



2020  
LAPORAN TAHUNAN

**KUMPULAN  
WANG INDUSTRI  
ELEKTRIK**





**LAPORAN TAHUNAN KUMPULAN WANG INDUSTRI ELEKTRIK 2020** ini dikemukakan kepada Menteri Tenaga dan Sumber Asli selaras dengan peruntukan Seksyen 44E(2) Akta Bekalan Elektrik 1990 iaitu "Suruhanjaya hendaklah dengan secepat yang dapat dilaksanakan menghantar suatu salinan penyata akaun yang diperakui oleh juruaudit dan salinan laporan juruaudit kepada Menteri yang hendaklah menyebabkannya dibentangkan di hadapan kedua-dua Majlis Parlimen."

© Hakcipta terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluarkan mana-mana bahagian isi kandungan buku ini dalam apa jua bentuk dan dengan apa cara pun sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman atau lain-lain sebelum mendapat izin bertulis dari Suruhanjaya Tenaga.

Diterbitkan oleh:

**SURUHANJAYA TENAGA (ENERGY COMMISSION)**

No. 12, Jalan Tun Hussein, Presint 2, 62100 Putrajaya, Malaysia

T : 03 8870 8500

F : 03 8888 8637

[www.st.gov.my](http://www.st.gov.my)

**ISSN:** 2636-9869

**No. Penerbitan:** ST(P)09/09/2021

**DICETAK DI MALAYSIA**







# ISI KANDUNGAN

## AKRONIM DAN SINGKATAN

### 05 **PENGENALAN**

06 MAKLUMAT KORPORAT

07 PENUBUHAN KUMPULAN WANG INDUSTRI ELEKTRIK (KWIE)

08 AKTA BEKALAN ELEKTRIK 1990

09 JAWATANKUASA KWIE

11 SOROTAN KWIE DI DALAM MEDIA BAGI TAHUN 2020

12 SOROTAN MESYUARAT JKKWIE BAGI TAHUN 2020

### 13 **AKTIVITI KWIE BAGI TAHUN 2020**

14 MESYUARAT JKKWIE BAGI TAHUN 2020

15 PENYATA KEWANGAN DAN LAPORAN TAHUNAN KWIE BAGI TAHUN 2019

15 PEMBERIAN DISKAUN BIL ELEKTRIK MELALUI PROGRAM PAKEJ RANGSANGAN EKONOMI 2020 (PRE 2020), PAKEJ RANGSANGAN EKONOMI PRIHATIN RAKYAT (PRIHATIN) DAN BANTUAN PRIHATIN ELEKTRIK (BPE) DI SEMENANJUNG

20 PENGECUALIAN CUKAI PENDAPATAN KWIE

20 PEMBANGUNAN SISTEM KEWANGAN KWIE

### 21 **PENGURUSAN DANA KWIE**

22 SUMBER KEWANGAN KWIE

23 TERIMAAN SUMBANGAN KWIE

24 PENDAPATAN FAEDAH KWIE

25 PENGGUNAAN DANA OLEH KWIE

26 MENGURUS IMPAK TARIF ELEKTRIK

28 PERBELANJAAN MENGURUS KWIE

### 29 **PELABURAN DANA KWIE**

### 31 **PERANCANGAN MASA HADAPAN**

### 33 **LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA MENGENAI PENYATA KEWANGAN KUMPULAN WANG INDUSTRI ELEKTRIK BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2020**

**PENGAKUAN OLEH PEGAWAI UTAMA YANG BERTANGGUNGJAWAB KE ATAS PENGURUSAN KEWANGAN KWIE**

**PENYATA PENERUSI DAN SEORANG ANGGOTA SURUHANJAYA TENAGA**

**PENYATA KEWANGAN KWIE BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2020**

# AKRONIM DAN SINGKATAN

<b>AAIBE</b>	Akaun Amanah Industri Bekalan Elektrik
<b>ABE</b>	Akta Bekalan Elektrik 1990 [Akta 447]
<b>BLR</b>	<i>Base Lending Rate</i>
<b>BNM</b>	Bank Negara Malaysia
<b>BPE</b>	Bantuan Prihatin Elektrik
<b>CA</b>	Akaun Semasa - <i>Current Account</i>
<b>Covid-19</b>	Penyakit Koronavirus 2019
<b>EPU</b>	Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri - <i>Economic Planning Unit</i>
<b>FD</b>	Simpanan Tetap - <i>Fixed Deposit</i>
<b>FOMCA</b>	Gabungan Persatuan-Persatuan Pengguna Malaysia - <i>Federation of Malaysian Consumers Associations</i>
<b>GBM</b>	Mekanisme Pengebilan Gas - <i>Gas Billing Mechanism</i>
<b>IBR</b>	Kawal Selia Berasaskan Insentif - <i>Incentive Based Regulation</i>
<b>ICPT</b>	<i>Imbalance Cost Pass-Through</i>
<b>JKKWIE</b>	Jawatankuasa Kumpulan Wang Industri Elektrik
<b>KeTSA</b>	Kementerian Tenaga dan Sumber Asli
<b>KWIE</b>	Kumpulan Wang Industri Elektrik
<b>LAP</b>	Lesen Awam Pengagihan
<b>LHDNM</b>	Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia
<b>MJM</b>	Mesyuarat Jemaah Menteri
<b>MOF</b>	Kementerian Kewangan - <i>Ministry of Finance</i>
<b>NUR Dist.</b>	NUR Distribution Sdn. Bhd.
<b>OPR</b>	<i>Overnight Policy Rate</i>
<b>PRE 2020</b>	Pakej Rangsangan Ekonomi 2020
<b>PRIHATIN</b>	Pakej Rangsangan Ekonomi Prihatin Rakyat
<b>PKP</b>	Perintah Kawalan Pergerakan
<b>RP</b>	Tempoh Kawal Selia - <i>Regulatory Period</i>
<b>STMM</b>	<i>Short Term Money Market Deposit</i>
<b>TNB</b>	Tenaga Nasional Berhad
<b>ST</b>	Suruhanjaya Tenaga
<b>WHO</b>	Pertubuhan Kesihatan Sedunia - <i>World Health Organisation</i>





**Suruhanjaya Tenaga**

# PENGENALAN

- ▶ MAKLUMAT KORPORAT

---

- ▶ PENUBUHAN KUMPULAN WANG INDUSTRI ELEKTRIK (KWIE)

---

- ▶ AKTA BEKALAN ELEKTRIK 1990

---

- ▶ JAWATANKUASA KWIE

---

- ▶ SOROTAN KWIE DI DALAM MEDIA BAGI TAHUN 2020

---

- ▶ SOROTAN MESYUARAT JKKWIE BAGI TAHUN 2020

---






# MAKLUMAT KORPORAT



## Visi

Suruhanjaya Tenaga adalah badan kawal selia sektor tenaga bertaraf dunia yang berkesan serta berwibawa.



## Nilai Teras

- ▶ Kecemerlangan
- ▶ Keboleharapan
- ▶ Ketulusan Dan Kesaksamaan



## Misi


Suruhanjaya Tenaga berazam untuk mengimbangi keperluan pengguna dan pembekal tenaga bagi memastikan pembekalan yang selamat dan berdaya harap pada harga yang berpatutan, melindungi kepentingan awam, dan menggalakkan pembangunan ekonomi dan pasaran yang kompetitif dalam persekitaran yang lestari.

### Mengenai Suruhanjaya Tenaga

Ditubuhkan di bawah Akta Suruhanjaya Tenaga 2001 [Akta 610], Suruhanjaya Tenaga bertanggungjawab mengawal selia sektor tenaga, khususnya industri pembekalan elektrik dan gas berpaip di Semenanjung Malaysia dan Sabah.

Mengambil alih peranan Jabatan Bekalan Elektrik dan Gas, ST mula beroperasi sepenuhnya pada 1 Januari 2002. Fokus utama ST adalah bekalan elektrik dan gas yang berdaya harap, kos yang munasabah dan selamat digunakan.

Peranan ST terbahagi kepada tiga (3) iaitu Kawal Selia Ekonomi, Kawal Selia Teknikal dan Kawal Selia Keselamatan.



#### Kawal Selia Teknikal

Untuk memastikan keselamatan, daya harap, kecekapan dan kualiti bekalan dan perkhidmatan dalam industri elektrik dan bekalan gas berpaip.



#### Peraturan Keselamatan

Untuk melindungi industri, pengguna dan orang awam dari bahaya yang timbul dari penjanaan, penghantaran, pengagihan, pembekalan dan penggunaan elektrik, serta pengagihan, pembekalan dan penggunaan gas berpaip.



#### Kawal Selia Ekonomi

Untuk menggalakkan keekonomian dalam penjanaan, penghantaran, pengagihan, pembekalan dan penggunaan elektrik dan dalam retikulasi dan penggunaan gas; menggalakkan persaingan; membolehkan pengendalian pasaran yang adil dan cekap dan mencegah penyalahgunaan monopoli atau kuasa pasaran dalam industri elektrik dan gas berpaip.

# PENUBUHAN KUMPULAN WANG INDUSTRI ELEKTRIK (KWIE)



## Peruntukan Akta

Kumpulan Wang Industri Elektrik (KWIE) ditubuhkan pada 1 Januari 2016 di bawah Akta Bekalan Elektrik 1990 (ABE) [Akta 447] dan telah beroperasi secara rasmi pada 1 Februari 2017.



## Pentadbiran dan Kawalan ke atas KWIE

Seperti yang termaktub di bawah subseksyen 44C(1) Akta 447, KWIE hendaklah ditadbir dan dikawal oleh Suruhanjaya Tenaga (ST).



## Fungsi KWIE

Fungsi KWIE adalah bagi menguruskan impak tarif elektrik terhadap pengguna atau apa-apa maksud lain yang berkaitan dengan industri elektrik sebagaimana yang disifatkan perlu oleh ST. Bagi melicinkan pengurusan dana KWIE, ST telah menubuhkan Jawatankuasa KWIE (JKKWIE) pada 4 Ogos 2015 untuk mengendalikan dana KWIE secara berhemah dan teratur.

# AKTA BEKALAN ELEKTRIK 1990

Peruntukan-peruntukan di bawah Akta Bekalan Elektrik 1990 (ABE) [Akta 447] telah membolehkan KWIE beroperasi bagi tujuan seperti berikut:

## Operasi KWIE di bawah Peruntukan ABE

### PENGURUSAN DANA KUMPULAN WANG INDUSTRI ELEKTRIK

#### SEKSYEN 44C(2): SUMBER DANA

- Apa-apa jumlah wang yang diuntukkan dan dibayar oleh pemegang lesen menurut seksyen 44B;
- Apa-apa jumlah wang yang diuntukkan oleh Parlimen bagi maksud Kumpulan Wang Industri Elektrik dari semasa ke semasa;
- Semua wang yang diperolehi sebagai pendapatan daripada pelaburan yang dibuat daripada Kumpulan Wang Industri Elektrik, termasuk faedah pendapatan; dan
- Semua wang lain yang diterima secara sah oleh Suruhanjaya bagi pihak Kumpulan Wang Industri Elektrik.

#### SEKSYEN 44C(3): PERBELANJAAN

- Untuk menguruskan impak tarif elektrik terhadap pengguna; atau
- Apa-apa maksud lain yang berkaitan dengan industri elektrik sebagaimana yang disifatkan perlu oleh Suruhanjaya.



#### SEKSYEN 44B(1) & (2)

Peruntukan berkenaan sumbangan oleh pemegang lesen ke dalam KWIE, jika dikehendaki oleh Menteri di bawah peraturan-peraturan atau perintah dalam warta.

#### SEKSYEN 44C(1): Kumpulan Wang Industri Elektrik

Peruntukan berkenaan tujuan penubuhan KWIE yang ditadbir dan dikawal oleh Suruhanjaya, sumber dan perbelanjaan dana KWIE.

#### SEKSYEN 44D(1) & (2)

Peruntukan berkenaan pembukaan akaun dan pelaburan – diluluskan oleh Menteri dengan persetujuan Menteri Kewangan.

#### SEKSYEN 44E(1) & (2)

##### SEKSYEN 44E: AKAUN

- Peruntukan berkenaan penyimpanan akaun yang sepatutnya dan laporan aktiviti bagi Kumpulan Wang Industri Elektrik dan selepas berakhirnya tahun kewangan Suruhanjaya, menyediakan bagi tahun kewangan itu –
  - suatu penyata akaun termasuk kunci kira-kira dan akaun bagi sumbangan dan perbelanjaan; dan
  - suatu pernyataan mengenai aktiviti.
- Menghantar suatu salinan penyata akaun yang diperakui oleh juruaudit dan sesalinan laporan juruaudit kepada Menteri untuk dibentangkan di kedua-dua Majlis Parlimen.



# JAWATANKUASA KWIE

Jawatankuasa KWIE (JKKWIE) ditubuhkan melalui kelulusan Mesyuarat ST pada 4 Ogos 2015 dan 12 Februari 2016 dengan terma rujukan bagi tujuan memastikan kewujudan semak dan imbang dalam tadbir urus KWIE bagi memutuskan dasar dan tatacara berhubung penerimaan dan penggunaan wang dalam akaun KWIE selaras dengan objektif penubuhannya.

## Keanggotaan JKKWIE

### Suruhanjaya Tenaga

Anggota ST sebagai Pengerusi JKKWIE

### Suruhanjaya Tenaga

- Anggota ST
- Ketua Pegawai Eksekutif, ST
- Ketua Pegawai Operasi, ST
- Pengarah, Jabatan Perkhidmatan Korporat, ST
- Pengarah, Jabatan Kawal Selia Ekonomi, ST
- Pengarah, Jabatan Undang-Undang dan Pengurusan Risiko, ST

### Wakil Kerajaan

- Wakil Kementerian Tenaga dan Sumber Asli (KeTSA)
- Wakil Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri (EPU)
- Wakil Kementerian Kewangan Malaysia (MOF)

### Wakil Pengguna

Wakil Gabungan Persatuan-Persatuan Pengguna Malaysia (FOMCA)

### Urus Setia

Unit KWIE, Jabatan Kawal Selia Ekonomi, ST

---

## Fungsi dan Tanggungjawab JKKWIE

**1**

Memutuskan dasar dan tatacara berhubung penerimaan dan penggunaan wang dalam akaun KWIE selaras dengan tujuan penubuhannya.

**2**

Memperakukan amaun wang yang akan digunakan untuk menguruskan impak tarif elektrik seperti yang diputuskan oleh Mesyuarat Jemaah Menteri (MJM).

**3**

Menentukan semua laporan dan penyata berhubung dengan akaun KWIE disediakan dan dikemukakan sebagaimana yang ditetapkan di dalam ABE, Arahan Perbendaharaan dan Pekeliling Kerajaan yang berkaitan.

**4**

Memperakukan Anggaran Perbelanjaan Tahunan Akaun, Anggaran Perbelanjaan Tambahan Akaun dan Pemindahan Peruntukan Bajet.

**5**

Memastikan bahawa akaun KWIE berbaki kredit dan tidak terlebih dikeluarkan semasa meluluskan Anggaran Perbelanjaan Akaun.

**6**

Menentukan amaun untuk dilaburkan mengikut apa-apa cara sebagaimana yang diluluskan oleh Menteri dengan persetujuan Menteri Kewangan.

# SOROTAN KWIE DI DALAM MEDIA BAGI TAHUN 2020

## KWIE, Kementerian Kewangan dan TNB tanggung diskaun penggunaan elektrik

KUALA LUMPUR, 6 Gagos -- Kementerian Tenaga dan Sumber Asli (KeTSA) berkata sumber dana bagi menampung pemberian diskaun penggunaan elektrik yang diumumkan dalam Pakej Rangsangan Ekonomi Prihatin Rakyat (PRIHATIN) dan Bantuan Prihatin Elektrik (BPE) adalah daripada dana Kumpulan Wang Industri Elektrik (KWIE), Kementerian Kewangan dan Tenaga Nasional Bhd (TNB).

Jumlah keseluruhan kos pemberian diskaun ini ialah sebanyak RM2.62 bilion. KeTSA berkata demikian dalam jawapan bertulis bagi menjawab pertanyaan daripada Nor Azrina Surip (PH-Merbok) yang ingin tahu sumber dana bagi memberi subsidi dalam pemberian diskaun penggunaan elektrik yang diumumkan dalam Pakej PRIHATIN mengikut kategori penggunaan bulanan dan apakah kesan kepada Tenaga Nasional Berhad (TNB) apabila penggunaan elektrik dalam segmen domestik, segmen komersial dan industri berubah sepanjang tempoh PKP dan PKPB pada persidangan Dewan Rakyat hari ini.

Pada sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dan Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB), penggunaan elektrik berkurangan bagi sektor perdagangan (komersial) dan sektor perindustrian.

"Secara purata, sektor perdagangan mencatatkan penurunan penggunaan elektrik sebanyak 31 peratus manakala sektor perindustrian mencatatkan penurunan sebanyak 47 peratus.

"Pengguna domestik pula menunjukkan peningkatan penggunaan elektrik secara purata 23 peratus berbanding sebelum PKP apabila pengguna berada di rumah untuk jangka masa yang lama dan menggunakan lebih banyak peralatan elektrik daripada kebiasaan," katanya.

KeTSA berkata perubahan penggunaan elektrik dalam tempoh PKP berlaku apabila majoriti sektor industri dan komersial ditutup, menyebabkan jualan elektrik oleh TNB menurun kepada RM3.4 bilion secara purata bagi bulan April hingga Jun berbanding RM3.8 bilion sebelum tempoh PKP.

-- BERNAMA

## Kerajaan lulus Bantuan Prihatin Elektrik tambahan

Bantuan RM942 juta bagi pengurangan beban pengguna eloran bil elektrik menjelang sepanjang PKP

Oleh NURUL HUDA HUSAIN  
PUTRAJAYA



Dr Shamsul Anwar pada sidang akhbar khas di Suruhanjaya Tenaga, Putrajaya semalam.

Kerajaan meluluskan Bantuan Prihatin Elektrik tambahan berjumlah RM942 juta kepada 766 juta pengguna elektrik dalam kategori domestik di Semenanjung Malaysia bagi mengurangkan beban mereka eloran peningkatan bil yang dialami sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

Menteri Tenaga dan Sumber Asli, Datuk Seri Dr Shamsul Anwar Nasarah berkata, daripada jumlah itu, seramai empat juta pengguna domestik dengan bil elektrik sebulan RM77 ke bawah akan menggunakan elektrik 300kW ke bawah akan menikmati bekalannya elektrik secara percuma bagi bulan April.

Mei dan Jun 2020.

"Pengguna domestik yang menggunakan elektrik melebihi 300kW pula akan menerima potongan bil elektrik sebanyak RM231 atau RM77 sebulan untuk April, Mei dan Jun 2020.

"Bantuan ini merupakan tambahan kepada diskaun bil elektrik di bawah Bantuan Prihatin Elektrik yang telah dilaksanakan sejak 1 April 2020 dan akan dilaksanakan melalui bil elektrik bulan Julai 2020.

300kW ke bawah telah membuat bayaran bil bagi bulan April, Mei dan Jun, bayaran tersebut akan dikurangkan semula ke dalam bil bulan Julai 2020," katanya pada sidang akhbar khas di Suruhanjaya Tenaga di sini semalam.

Katanya, dengan tambahan peruntukan baharu RM942 juta itu, jumlah diskaun keseluruhan yang diberikan bagi tempoh 1 April sehingga 30 Disember 2020 akan meningkat kepada RM2.2 bilion. "Sekiranya pengguna dengan penggunaan sebulan

rajaan menerusi Kumpulan Wang Industri Elektrik (KWIE), Kementerian Kewangan dan Tenaga Nasional Berhad (TNB)," katanya.

Dalam perkembangan berkaitan, Dr Shamsul Anwar berkata, kerajaan belum bercadang memecahkan monopoli perkhidmatan bekalan elektrik negara yang kini didominasi TNB kepada pihak lain.

Beliau berkata, keputusan itu dibuat bagi membolehkan sektor perindustrian dan kerajaan untuk kekal dengan baik.

Beliau berkata demikian ketika ditanya sama ada wujud keawanan untuk kerajaan memperkenalkan persaingan dalam sektor tenaga negara yang ketika ini didominasi oleh TNB.

Dr Shamsul Anwar turut memberitahu, penilaian semula tarif elektrik belum dimuktamadkan lagi semandangkan ia merupakan tempoh kajian terent.

"Saya bagi jaminan, dalam kajian tarif yang kita buat, kepentingan rakyat akan diberikan keutamaan. "Inyon ALLAH untuk tarif, kita akan buat pengumuman selepas itu," katanya.

# RM942mil surprise for consumers

## Govt announces extra discounts for TNB users following complaints

By ALLISON LAI  
allison@thestar.com.my

**PUTRAJAYA:** Consumers who complained about their high electricity bills during the movement control order (MCO) period will see their financial burden being eased with the announcement of an additional RM942mil discounts under Bantuan Prihatin Elektrik Tambahan.

Energy and Natural Resources Minister Datuk Dr Shamsul Anwar Nasarah (pic) says that some 7.66 million domestic users in Peninsular Malaysia will benefit from the aid.

"The Prime Minister has approved the additional aid to all domestic users in the peninsula to lessen their burden following an increase in their electricity bills during the MCO period.

"The additional discounts and rebates will be reflected in consumers' July bill and the existing discounts will go on until September," he said during a special press conference at the Energy Commission building here yesterday.

Since May, social media platforms have been rife with consumers' complaints about the unexpected increase in their electricity bills from Tenaga Nasional Bhd (TNB), even after factoring in the fact that they stayed at home and used more power than normal during

### Lightening the People's Load

Block	Maximum Total of bill	Total Domestic Consumers	Electricity Discount under Economic Stimulus Package (given at the beginning of MCO)	Bantuan Prihatin Elektrik	Total for April, May and June 2020
0 - 200 kWh	RM443.60	2,630,000	50%	Free	Free
201 - 300 kWh	RM477.00	1,640,000	25%	Free	Free
301 - 400 kWh	RM423.80	2,410,000	13%	RM77/monthly	RM4231 + 15%
401 - 500 kWh	RM395.60	916,000	2%	RM77/monthly + 8%	RM4231 + 10%
> 501 kWh	RM396.15	79,000	2%	RM477/monthly	RM4231 + 2%

Source: Energy and Natural Resources Ministry



the MCO period. Some said their bills jumped several hundred per cent. Shamsul Anwar said: "The RM942mil aid is in addition to the existing electricity bill discounts under Bantuan Prihatin Elektrik that was implemented in April."

Under this additional assistance, four million consumers (32.2%) with a monthly usage of 300 kilowatt-hours (kWh) or RM77 and below will enjoy free electricity for April, May and June. Those who

use 301kWh and above will get rebates of RM231 or RM77 per month for April, May and June. "Those who have paid their bills for April, May and June will have the amount credited back to their accounts.

"Consumers with monthly usage of 301kWh and above will see the rebate of RM231 in their July bill," he said, adding that the average monthly reading would be considered to see what discounts and rebates consumers were entitled to.

The amount is calculated by dividing the total usage to the number of affected months.

According to a survey by the Energy Commission, Shamsul Anwar said a majority of those affected during the MCO period were users within the 301kWh and 600kWh block tariff, which is charged at 51.6 sen per kWh.

"They fell out of this block tariff following higher electricity usage during the period and entered the next block tariff at 54.6 sen per kWh.

"This caused an increase in their bills and subsequently led them to enjoy less discounts, that is from 15% to only 2%." "To assist users in the 601-

900kWh block tariff, the government will give additional discounts of 8% on top of the existing 2%, making it 10% for their bills from April to September.

"This will benefit 916,000 users who represent 12% of the entire domestic users," he said. Shamsul Anwar assured consumers who had problems paying their bills that TNB would not cut off power supply until Sept 30.

"Users need not worry about their supply being cut off if they face difficulties in meeting their financial commitments," he said.

"With the additional discounts and rebates, the government's total assistance in electricity bills has increased to RM2.2bil between April 1 and Sept 30," he said, adding that the initiative is funded by Kumpulan Wang Industri Elektrik, the Finance Ministry and TNB.

Also present at the event were TNB chairman Datuk Seri Mahdzir Khalid, TNB chief executive officer Datuk Seri Amir Hamzah Azizan and Energy Commission chief executive officer Abdul Razid Dawood.

Watch the video  
thestartv.com



# SOROTAN MESYUARAT JKKWIE BAGI TAHUN 2020

## Februari

18

### Mesyuarat JKKWIE Bilangan 1 Tahun 2020

Perbincangan mengenai Draf Penyata Kewangan dan Laporan Tahunan KWIE bagi tahun berakhir 31 Disember 2019 serta cadangan pembangunan tatacara pengurusan dana KWIE.



## November

24

### Mesyuarat JKKWIE Bilangan 5 Tahun 2020

Perbincangan mengenai cadangan pengurusan tenaga kerja KWIE dibiayai oleh dana KWIE dan keperluan peruntukan tambahan bagi tuntutan Tenaga Nasional Berhad (TNB) di bawah pemberian diskaun bil elektrik BPE.



## Mei

18

### Mesyuarat JKKWIE Bilangan 2 Tahun 2020

Perbincangan mengenai pengurusan dana KWIE bagi pemberian diskaun bil elektrik PRE 2020, PRIHATIN dan BPE serta cadangan bajet KWIE bagi tahun 2021.



## Ogos

6

### Mesyuarat JKKWIE Bilangan 3 Tahun 2020

Perbincangan mengenai Draf Akhir Penyata Kewangan dan Laporan Tahunan KWIE bagi tahun berakhir 31 Disember 2019 serta pengurusan dana KWIE.



## September

30

### Mesyuarat JKKWIE Bilangan 4 Tahun 2020

Perbincangan mengenai cadangan terma rujukan pembangunan sistem kewangan KWIE.





# AKTIVITI KWIE BAGI TAHUN 2020

- ▶ MESYUARAT JKKWIE BAGI TAHUN 2020
- ▶ PENYATA KEWANGAN DAN LAPORAN TAHUNAN KWIE BAGI TAHUN 2019
- ▶ PEMBERIAN DISKAUN BIL ELEKTRIK MELALUI PROGRAM PAKEJ RANGSANGAN EKONOMI 2020 (PRE 2020), PAKEJ RANGSANGAN EKONOMI PRIHATIN RAKYAT (PRIHATIN) DAN BANTUAN PRIHATIN ELEKTRIK (BPE) DI SEMENANJUNG
- ▶ PENGECUALIAN CUKAI PENDAPATAN KWIE
- ▶ PEMBANGUNAN SISTEM KEWANGAN KWIE

# MESYUARAT JKKWIE BAGI TAHUN 2020

Pandemik *Coronavirus Disease (Covid-19)* yang menular pada tahun 2020 telah merencatkan operasi dan aktiviti di peringkat global. Malaysia turut mengambil pelbagai usaha bagi memastikan pengoperasian kesemua sektor termasuk Kerajaan dapat berjalan seperti biasa antaranya dengan mengaktifkan Arahan Berkerja Dari Rumah serta transaksi secara dalam talian. Tidak terkecuali bagi JKKWIE, lima (5) mesyuarat telah diadakan secara dalam talian bagi membincangkan dan memperakukan cadangan-cadangan yang berkaitan pengurusan dana KWIE.

## Isu Perbincangan Tadbir Urus KWIE, Tahun 2020

Bil.  
**01**

18 FEB 2020

- Penyata Kewangan dan Laporan Tahunan KWIE bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2019
- Cadangan Pembangunan Tatacara Pengurusan Dana KWIE
- Pengurusan Dana KWIE

Bil.  
**02**

18 MEI 2020

- Pengurusan Dana KWIE
  - Pakej Rangsangan Ekonomi 2020 (PRE 2020) dan Pakej Rangsangan Ekonomi Prihatin Rakyat (PRIHATIN)
  - Cadangan Bajet KWIE bagi tahun 2021

Bil.  
**03**

6 OGOS 2020

- Penyata Kewangan dan Laporan Tahunan KWIE bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2019
- Pengurusan Dana KWIE

Bil.  
**04**

30 SEP 2020

- Pengurusan Dana KWIE
- Cadangan Terma Rujukan Pembangunan Sistem Kewangan KWIE

Bil.  
**05**

24 NOV 2020

- Cadangan Pengurusan Tenaga Kerja KWIE Dibiayai oleh Dana KWIE
- Status Pengurusan Dana KWIE
- Keperluan Peruntukan Tambahan bagi Pemberian Diskaun di bawah Pakej Bantuan Prihatin Elektrik (BPE) oleh TNB



# PENYATA KEWANGAN DAN LAPORAN TAHUNAN KWIE BAGI TAHUN 2019

Draf Penyata Kewangan dan Laporan Tahunan KWIE bagi tahun 2019 telah dibentangkan dalam Mesyuarat JKKWIE pada 18 Februari 2020 dan 6 Ogos 2020. Penyata Kewangan dan Laporan Tahunan KWIE bagi tahun 2019 telah diluluskan oleh Mesyuarat ST Bilangan 8/2020 pada 13 Ogos 2020. Laporan ini telah diaudit oleh Jabatan Audit Negara dan diberikan status audit tanpa teguran.

Penyata Kewangan dan Laporan Tahunan KWIE bagi tahun 2019 seterusnya telah diedarkan kepada pihak KeTSA pada 15 September 2020.

Penyata Kewangan dan Laporan Tahunan KWIE bagi tahun 2019 ini telah diluluskan oleh MJM pada 4 Disember 2020 dan seterusnya telah dibentangkan di kedua-dua Mesyuarat Parlimen, iaitu di Dewan Rakyat pada 15 Disember 2020 dan di Dewan Negara pada 21 Disember 2020.

# PEMBERIAN DISKAUN BIL ELEKTRIK MELALUI PROGRAM PAKEJ RANGSANGAN EKONOMI 2020 (PRE 2020), PAKEJ RANGSANGAN EKONOMI PRIHATIN RAKYAT (PRIHATIN) DAN BANTUAN PRIHATIN ELEKTRIK (BPE) DI SEMENANJUNG

Pada 27 Februari 2020, Kerajaan telah memperkenalkan Pakej Rangsangan Ekonomi 2020 (PRE 2020) dengan pemberian 15% diskaun bil elektrik bagi menangani impak penularan pandemik Covid-19 bagi penggunaan elektrik untuk tempoh 1 April sehingga 30 September 2020 kepada enam (6) sektor perniagaan terpilih.



## Lanjutan Pemberian Diskaun

Lanjutan daripada PRE 2020, pada 16 Mac 2020 Kerajaan telah mengumumkan pemberian diskaun 2% bil elektrik kepada pengguna lain (selain daripada enam (6) sektor perniagaan sebelumnya) dalam kategori perdagangan, perindustrian dan pertanian spesifik serta pengguna domestik bagi penggunaan elektrik 601 kWj dan ke atas bagi tempoh 1 April sehingga 30 September 2020.

Pada 27 Mac 2020, Kerajaan sekali lagi telah mengumumkan pemberian diskaun bil elektrik melalui Pakej Rangsangan Ekonomi Prihatin Rakyat (PRIHATIN) kepada pengguna domestik di Semenanjung. Pemberian diskaun elektrik adalah di antara 15% hingga 50% mengikut jumlah penggunaan elektrik masing-masing bermula daripada tempoh penggunaan 1 April hingga 30 September 2020. Inisiatif ini bertujuan meringankan beban pembayaran bil elektrik pengguna domestik berikutan kenaikan bil elektrik secara mendadak semasa pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

Kerajaan juga pada 20 Jun 2020 telah mengumumkan pemberian Bantuan Prihatin Elektrik (BPE) yang merupakan penambahbaikan diskaun bil elektrik di bawah pakej PRIHATIN. Di bawah Pakej BPE, pengguna domestik di Semenanjung menerima diskaun bil elektrik secara *one-off* sebanyak RM77 sebulan bagi tempoh tiga (3) bulan bermula April hingga Jun 2020. Diskaun ini diberikan secara sekaligus pada bulan Julai 2020 untuk meringankan beban rakyat ekoran peningkatan bil elektrik yang dialami sepanjang tempoh pelaksanaan PKP yang bermula pada 18 Mac 2020. Selain itu, Kerajaan juga bersetuju untuk memberikan diskaun tambahan sebanyak 8% kepada pengguna elektrik dalam julat 601-900 kWj bagi tempoh April hingga September 2020. Ini menjadikan pengguna dalam julat tersebut layak menerima diskaun sebanyak 10% bagi tempoh tersebut.

Seterusnya, Kerajaan pada 24 Jun 2020 telah mengumumkan pelanjutan diskaun bil elektrik berperingkat (2% hingga 50%) di bawah Pakej PRIHATIN kepada semua pengguna domestik di Semenanjung dan pemberian diskaun bil elektrik sebanyak 2% kepada pengguna domestik di Sabah dan Sarawak sehingga 31 Disember 2020.

## Peruntukan Pemberian Diskaun Bil Elektrik

Peruntukan sebanyak RM2,778 juta bagi pemberian diskaun bil elektrik ini ditampung secara bersama oleh MOF, KWIE dan TNB, masing-masing sebanyak RM534.80 juta, RM1,993.20 juta dan RM250 juta.


### Pembahagian Pakej-Pakej Pemberian Diskaun Bil Elektrik

Pakej	MOF RM' juta	KWIE RM' juta	TNB RM' juta	Jumlah RM' juta
PRE 2020 dan PRIHATIN <sup>1</sup>	180.00	1,121.64	150.00	1,451.64
Diskaun Tambahan bagi Rayuan Fasa 1 hingga 5 <sup>2</sup>	-	65.00	-	65.00
BPE	354.80 <sup>3</sup>	806.56 <sup>4</sup>	100.00	1,261.36
Jumlah Keseluruhan	534.80 <sup>5</sup>	1,993.20	250.00 <sup>5</sup>	2,778.00

Nota:

1. Surat kelulusan KeTSA bertarikh 24 April 2020 dan 30 Jun 2020.
2. Berdasarkan keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Pengesahan Permohonan Rayuan Diskaun Bil Elektrik 15% yang bersetuju rayuan dilanjutkan sehingga 30 September 2020.
3. Surat kelulusan KeTSA bertarikh 28 Ogos 2020 sebanyak RM260 juta dan surat KeTSA bertarikh 7 Mei 2021 bagi lebih tuntutan BPE tampungan MOF sebanyak RM94.8 juta.
4. KeTSA ambil maklum bahawa jumlah RM806.56 juta termasuk lebih BPE yang masih belum mendapat kelulusan bayaran daripada Yang Berhormat Menteri berjumlah RM364,125.26.
5. Tampungan MOF dan TNB tidak dimasukkan di dalam Penyata Kewangan KWIE (Penyata Pendapatan dan Penyata Prestasi Bajet) bagi tahun 2020.

Dari segi perbandingan, tampungan bagi pemberian diskaun bil elektrik adalah seperti berikut:




Nota:  
Termasuk tampungan MOF berjumlah RM534.80 juta dan tampungan TNB berjumlah RM250 juta.

Sehingga 31 Disember 2020, perincian tuntutan diskaun PRE 2020, PRIHATIN dan BPE daripada pihak TNB dan pemegang Lesen Awam Pengagihan (LAP) bagi tempoh April hingga Disember 2020 yang ditampung menggunakan dana KWIE sepenuhnya berdasarkan tuntutan sebenar adalah seperti berikut:

Pemegang Lesen	PRE 2020	PRIHATIN	BPE	Jumlah
	RM	RM	RM	RM
TNB	515,299,352	567,084,076	806,564,125	1,888,947,553
LAP	25,447,393	1,632,733	2,323,529	29,403,655
<b>Jumlah</b>	<b>540,746,745</b>	<b>568,716,809</b>	<b>808,887,654</b>	<b>1,918,351,208</b>

- Nota:
1. Pemberian diskaun bil elektrik berdasarkan tuntutan sebenar oleh pihak TNB dan LAP, dan setakat amaun tampungan yang diluluskan oleh Kerajaan.
  2. Jumlah tuntutan di atas adalah tidak termasuk amaun tampungan oleh TNB berjumlah RM250 juta iaitu RM150 juta bagi PRIHATIN dan RM100 juta bagi BPE.
  3. Tuntutan di atas adalah tidak termasuk amaun tampungan oleh MOF berjumlah RM534.80 juta iaitu RM180 juta bagi PRIHATIN dan RM354.80 juta bagi BPE.
  4. Tuntutan oleh TNB bagi PRE 2020 adalah termasuk tuntutan diskaun 10% dan 2% bagi pengguna domestik di bawah PRIHATIN.



Dari segi perbandingan, jumlah tuntutan diskaun PRE 2020, PRIHATIN dan BPE bagi tempoh April hingga Disember 2020 yang ditampung menggunakan dana KWIE sepenuhnya berdasarkan tuntutan sebenar adalah seperti berikut:





- Nota:
1. Jumlah tuntutan di atas adalah tidak termasuk amaun tampungan oleh TNB berjumlah RM250 juta iaitu RM150 juta bagi PRIHATIN dan RM100 juta bagi BPE.
  2. Tuntutan di atas adalah tidak termasuk amaun tampungan oleh MOF berjumlah RM534.80 juta iaitu RM180 juta bagi PRIHATIN dan RM354.80 juta bagi BPE.
  3. Tuntutan oleh TNB bagi PRE 2020 adalah termasuk tuntutan diskaun 10% dan 2% bagi pengguna domestik di bawah PRIHATIN.

Dari segi perbandingan, jumlah pemberian diskaun yang disalurkan kepada pengguna melalui dua (2) pembekal elektrik adalah seperti berikut.

**TNB (RM1,888,947,553)**



**LAP (RM29,403,655)**




Nota:

1. Jumlah tuntutan di atas adalah tidak termasuk amaun tampungan oleh TNB berjumlah RM250 juta iaitu RM150 juta bagi PRIHATIN dan RM100 juta bagi BPE.
2. Tuntutan di atas adalah tidak termasuk amaun tampungan oleh MOF berjumlah RM534.80 juta iaitu RM180 juta bagi PRIHATIN dan RM354.80 juta bagi BPE.
3. Tuntutan oleh TNB bagi PRE 2020 adalah termasuk tuntutan diskaun 10% dan 2% bagi pengguna domestik di bawah PRIHATIN.

Manakala tuntutan pemberian diskaun yang dikemukakan oleh pembekal elektrik iaitu TNB dan LAP, untuk kedua-dua PRE 2020 dan PRIHATIN adalah seperti berikut:

**TNB**




Nota:

1. Laporan diskaun bil elektrik bulanan daripada Sistem Pengebilan TNB berdasarkan *cut-off* tarikh terakhir bulan berkenaan.
2. Tarikh bagi kitaran bil bulanan pengguna tidak sama dan bacaan bil bulan semasa (Dis 2020) boleh melangkaui bulan berikutnya (Jan 2021).
3. Laporan pemberian diskaun bulanan mulai Jun 2020 dan seterusnya mengambilkira pelarasan bagi bulan-bulan sebelumnya.
4. Jumlah tuntutan di atas adalah tidak termasuk amaun tampungan oleh TNB iaitu RM150 juta bagi PRIHATIN.
5. Tuntutan di atas adalah tidak termasuk amaun tampungan oleh MOF iaitu RM180 juta bagi PRIHATIN.
6. Tuntutan oleh TNB bagi PRE 2020 adalah termasuk tuntutan diskaun 10% dan 2% bagi pengguna domestik di bawah PRIHATIN.



LAP




Nota: Diskaun elektrik bagi pemegang LAP ditampung sepenuhnya menggunakan dana KWIE.


Sebanyak RM1,066 juta dana KWIE pada tahun 2020 telah digunakan untuk menjelaskan pemberian diskaun bil elektrik, di mana sebanyak RM1,046 juta telah dibayar kepada TNB manakala RM20 juta kepada pemegang LAP. Baki tuntutan diskaun oleh TNB sebanyak RM843 juta dan pemegang LAP sebanyak RM9 juta pula akan dijelaskan menggunakan dana KWIE pada tahun 2021.

Tuntutan sebenar diskaun PRE 2020 bagi TNB dan pemegang LAP adalah seperti berikut:

TNB




LAP




Nota: Diskaun 2% oleh TNB di bawah PRE 2020 adalah termasuk diskaun 2% di bawah PRIHATIN.

Tuntutan sebenar diskaun PRIHATIN bagi TNB dan pemegang LAP adalah seperti berikut:

TNB



LAP




Nota:

- Jumlah tuntutan di atas adalah tidak termasuk amaun tampungan oleh TNB berjumlah RM250 juta iaitu RM150 juta bagi PRIHATIN dan RM100 juta bagi BPE.
- Tuntutan di atas adalah tidak termasuk amaun tampungan oleh MOF berjumlah RM534.80 juta iaitu RM180 juta bagi PRIHATIN dan RM354.80 juta bagi BPE.
- Tuntutan diskaun 10% dan 2% oleh TNB di bawah PRIHATIN adalah termasuk di dalam tuntutan diskaun di bawah PRE 2020 dan BPE.

Dari segi demografi, bilangan pengguna yang mengemukakan tuntutan diskaun bil elektrik di Semenanjung adalah seperti berikut:


### TNB

Juta Pengguna



### LAP

Ribu Pengguna



## PENGECUALIAN CUKAI PENDAPATAN KWIE

Sejajar dengan mandat yang telah diberikan oleh Kerajaan agar KWIE ditadbir urus berdasarkan amalan kewangan yang baik, JKKWIE telah menyarankan agar KWIE memohon pengecualian terhadap cukai pendapatan. Lanjutan itu, beberapa sesi rundingan bersama pihak Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM) telah diadakan bagi tujuan tersebut. Berdasarkan hasil rundingan, pengecualian cukai pendapatan KWIE telah diberikan ke atas pendapatan berkanun oleh MOF pada 7 Ogos 2020 untuk tempoh dua (2) tahun mulai tahun taksiran 2020 hingga tahun taksiran 2021. Walau bagaimanapun, pendapatan-pendapatan lain yang diterima oleh KWIE adalah tertakluk kepada cukai pendapatan.

## PEMBANGUNAN SISTEM KEWANGAN KWIE

Sejak beroperasi pada 2017, proses pengurusan kewangan dan penyediaan penyata kewangan KWIE dilaksanakan secara manual. Bagi memastikan proses perekodan dan pengurusan KWIE dijalankan dengan telus dan teratur, cadangan untuk membangunkan sistem kewangan dan hasil KWIE dengan menggunakan peruntukan KWIE telah mendapat perakuan oleh Mesyuarat JKKWIE Bilangan 1/2020 pada 18 Februari 2020 dan Mesyuarat ST Bilangan 2/2020 pada 13 Mac 2020.

Terma rujukan bagi pembangunan Sistem Kewangan KWIE telah diperakukan oleh Mesyuarat JKKWIE Bilangan 4/2020 pada 30 September 2020 dan diluluskan oleh Mesyuarat ST Bilangan 11/2020 pada 13 Oktober 2020.



# PENGURUSAN DANA KWIE

- ▶ SUMBER KEWANGAN KWIE
- ▶ TERIMAAN SUMBANGAN KWIE
- ▶ PENDAPATAN FAEDAH KWIE
- ▶ PENGGUNAAN DANA OLEH KWIE
- ▶ MENGURUS IMPAK TARIF ELEKTRIK
- ▶ PERBELANJAAN MENGURUS KWIE

Kerajaan telah memberi mandat yang besar kepada ST agar dapat menguruskan dana KWIE berdasarkan amalan kewangan yang baik. Selaras dengan peruntukan seksyen 44C(1) ABE, dana KWIE ditadbir urus dan dikawal selia serta dikendalikan oleh ST.

Sumber kewangan terimaan dan penggunaan dana bagi perbelanjaan dana KWIE adalah seperti yang diperuntukkan dalam ABE, seperti berikut.

## SUMBER KEWANGAN KWIE


### Sumber Kewangan KWIE Mengikut Peruntukan di bawah Subseksyen 44C(2)

- 1 Perenggan 44C(2)(a)**  
Apa-apa jumlah wang yang diuntukkan dan dibayar oleh pemegang lesen menurut seksyen 44B.
- 2 Perenggan 44C(2)(b)**  
Apa-apa wang yang diuntukkan oleh Parlimen bagi maksud Kumpulan Wang Industri Elektrik dari semasa ke semasa.
- 3 Perenggan 44C(2)(c)**  
Semua wang yang diperolehi sebagai pendapatan daripada pelaburan yang dibuat daripada Kumpulan Wang Industri Elektrik, termasuk faedah pendapatan.
- 4 Perenggan 44C(2)(d)**  
Semua wang lain yang diterima secara sah oleh Suruhanjaya bagi pihak Kumpulan Wang Industri Elektrik.


Secara umumnya, pada ketika ini, sumber kewangan KWIE terdiri daripada terimaan sumbangan dan faedah pendapatan.

### Perbandingan Sumber Kewangan KWIE


Terimaan Sumbangan:



Faedah Pendapatan:



Jumlah Sumber Kewangan:





## TERIMAAN SUMBANGAN KWIE

Pada tahun 2020, KWIE telah merekod sumbangan daripada TNB sebanyak RM1,346 juta. Terimaan sumbangan dana adalah seperti berikut:

- 1) Pelarasan hasil dan kos di bawah mekanisme Kawal Selia Berasaskan Insentif (IBR) seperti yang diputuskan oleh Kerajaan.

Tarikh MJM	Hasil Keputusan
24 Jun 2020	Anggaran pelarasan hasil dan kos di bawah IBR bagi tempoh 1 Januari 2020 hingga 30 Jun 2020 sebanyak RM336.42 juta*
18 Disember 2020	Anggaran pelarasan hasil dan kos di bawah IBR bagi tempoh 1 Julai 2020 hingga 31 Disember 2020 sebanyak RM91.88 juta*

\*Nota:

Amaun kelulusan Kerajaan adalah berasaskan amaun anggaran manakala dana yang dipindahkan ke dalam KWIE berdasarkan amaun sebenar selepas audit.

- 2) Lebihan *Imbalance Cost Pass-Through* (ICPT) di bawah IBR seperti keputusan Kerajaan.

Tarikh MJM	Hasil Keputusan
29 November 2019	Anggaran lebihan ICPT bagi tempoh pelaksanaan 1 Januari 2020 sehingga 30 Jun 2020 sebanyak RM531.09 juta*
24 Jun 2020	Anggaran lebihan ICPT bagi tempoh 1 Julai 2020 hingga 31 Disember sebanyak RM569 juta*.

\*Nota:

Amaun kelulusan Kerajaan adalah berasaskan amaun anggaran manakala dana yang dipindahkan ke dalam KWIE berdasarkan amaun sebenar selepas audit.

Pada 29 November 2019, Kerajaan telah memutuskan supaya pemindahan dana lebihan ICPT dengan anggaran sebanyak RM531.09 juta bagi tempoh pelaksanaan 1 Januari 2020 sehingga 30 Jun 2020 dipindahkan oleh TNB ke dalam dana KWIE. Walau bagaimanapun, TNB telah membuat pindahan sebanyak RM444 juta lebihan ICPT ke dalam dana KWIE berdasarkan kepada jumlah jualan sebenar bagi tempoh pelaksanaan berkenaan.

Seterusnya, Kerajaan pada 24 Jun 2020 telah memutuskan supaya lebihan ICPT sebanyak RM569 juta atau bersamaan 1.13 sen/kWj bagi tempoh pelaksanaan 1 Julai 2020 hingga 31 Disember 2020 dimasukkan ke dalam dana KWIE. Sehingga Disember 2020, TNB telah memindahkan sebanyak RM401 juta lebihan ICPT bagi tempoh pelaksanaan Julai hingga Oktober 2020 berdasarkan jualan sebenar, manakala bakinya sebanyak RM168 juta bagi bulan November dan Disember 2020 dipindahkan pada tahun 2021.

## Perbandingan Terimaan Sumbangan, Tahun 2019 & Tahun 2020

TERIMAAN SUMBANGAN	2020	2019
	RM	RM
TNB		
• Pelarasan hasil dan kos di bawah IBR	332 juta	1,675 juta
• Pelarasan penjimatan pembelian arang batu	-	253 juta
• Pemindahan lebih ICPT	1,014 juta	-
Mekanisme Pengebilan Gas (GBM)	-	43 juta
<b>Jumlah Sumbangan</b>	<b>RM1,346 juta</b>	<b>RM1,971 juta</b>

Nota:

1. Tampungan MOF berjumlah RM534.8 juta tidak direkod sebagai terimaan sumbangan.
2. Tampungan TNB berjumlah RM250 juta di *net-off* di peringkat TNB dan tidak direkod sebagai terimaan sumbangan.

## PENDAPATAN FAEDAH KWIE

Pendapatan faedah KWIE diperolehi daripada keuntungan penempatan dana KWIE dalam Simpanan Tetap (FD) dan *Short Term Money Market Deposit* (STMMMD) dan hibah Akaun Semasa (CA) KWIE.

Segala agihan dan penempatan dana di institusi kewangan adalah mengikut Polisi Dana KWIE seperti yang ditetapkan tertakluk kepada tawaran kadar pulangan yang paling kompetitif. Sepanjang tahun 2020, akibat kesan pandemik Covid-19 kepada ekonomi global, Bank Negara Malaysia (BNM) telah menurunkan *Overnight Policy Rate* (OPR) sebanyak empat (4) kali, berjumlah 1.25%. Kadar OPR pada awal tahun 2020 adalah sebanyak 3.00% dan sehingga hujung tahun 2020 berubah kepada 1.75%.

BNM juga turut mengumumkan penurunan *Base Lending Rate* (BLR) sebanyak 0.25% pada 22 Januari 2020 dan 0.25% pada 3 Mac 2020. Penurunan kadar OPR dan BLR memberi impak yang besar kepada penempatan KWIE pada tahun 2020. Secara purata, jumlah pendapatan faedah yang diperolehi oleh KWIE pada tahun 2020 turun sebanyak 17% berbanding tahun 2019.

## Perbandingan Pendapatan Faedah KWIE, Tahun 2018-2020

Penempatan Faedah	2020	2019	2018
	RM	RM	RM
Faedah FD & STMMMD	13 juta (65%)	19 juta (79%)	33 juta (87%)
Hibah CA	7 juta (35%)	5 juta (21%)	5 juta (13%)
<b>Jumlah Penempatan Faedah</b>	<b>20 juta</b>	<b>24 juta</b>	<b>38 juta</b>

# PENGGUNAAN DANA OLEH KWIE

Segala perbelanjaan oleh KWIE adalah seperti yang diperuntukkan dalam subseksyen 44C(3) ABE 1990 seperti berikut:

**PERENGGAN  
44C(3)(a)**

Untuk menguruskan impak tarif elektrik terhadap pengguna.

**PERENGGAN  
44C(3)(b)**

Apa-apa maksud lain yang berkaitan dengan industri elektrik sebagaimana yang disifatkan perlu oleh Suruhanjaya.

Sebahagian besar dana KWIE pada tahun 2020 diperuntukkan untuk mengurus tuntutan pemberian diskaun bil elektrik bagi PRE 2020, PRIHATIN dan BPE kepada pengguna di Semenanjung berikutan penularan pandemik Covid-19.


Selain itu, seperti tahun-tahun terdahulu, dana KWIE juga digunakan untuk mengurus impak tarif elektrik terhadap pengguna selain digunakan bagi perbelanjaan mengurus dana KWIE iaitu perbelanjaan cukai dan kos pentadbiran KWIE.

Perbelanjaan KWIE	2020
Mengurus Tuntutan Diskaun Bil Elektrik	RM1,918 juta
Mengurus Impak Tarif Elektrik	RM12 juta
Perbelanjaan Pengurusan	RM6 juta
<b>Jumlah Perbelanjaan</b>	<b>RM1,936 juta</b>

**Nota:**

Perbelanjaan mengurus tuntutan diskaun bil elektrik adalah tidak termasuk tampungan daripada tampungan MOF berjumlah RM534.8 juta dan tampungan TNB berjumlah RM250 juta.

Perbezaan perbelanjaan dana KWIE sepanjang tahun 2020 dan tahun 2019 adalah seperti berikut:





Perbelanjaan KWIE menunjukkan perbezaan ketara pada tahun 2020 dengan pelaksanaan tampungan pemberian diskaun elektrik PRE 2020, PRIHATIN dan BPE berikutan penularan pandemik Covid-19. Perbelanjaan KWIE untuk tuntutan surcaj ICPT oleh pemegang LAP adalah bagi tempoh 1 Januari hingga 30 Jun 2020. Manakala bagi tempoh 1 Julai hingga 31 Disember 2020 tiada sebarang surcaj dikenakan kepada semua pengguna elektrik dan tiada tuntutan dikemukakan kepada KWIE.

## MENGURUS IMPAK TARIF ELEKTRIK

### Samakan Pelarasan Tarif Elektrik di Semenanjung di bawah Kerangka Kawal Selia Berasaskan Insentif (IBR)

Selaras dengan peruntukan subseksyen 26(1) ABE yang menyatakan bahawa “Suruhanjaya boleh menentukan tarif dan caj untuk dilevikan, dengan kelulusan Menteri, oleh seseorang pemegang lesen”, ST dengan kelulusan Kerajaan telah mula melaksanakan kerangka kerja IBR bagi penetapan dan pelarasan tarif elektrik TNB pada setiap tempoh kawal selia (*Regulatory Period* “RP”) tiga (3) tahun bermula daripada tahun 2015 hingga tahun 2017 sebagai tempoh kawal selia. Pelarasan tarif elektrik ini diteruskan dengan tempoh kawal selia kedua (RP2) berdasarkan persetujuan Kerajaan pada 13 Disember 2017.

Kerajaan juga pada 18 Disember 2020, telah bersetuju melanjutkan tempoh RP2 yang berakhir pada 31 Disember 2020 kepada 31 Disember 2021.

Berikutan keputusan Kerajaan tersebut, kadar tarif asas dan ICPT di Semenanjung bagi kedua-dua tempoh RP ditetapkan seperti berikut:

Tempoh Kawal Selia Pertama (RP1)	Tempoh Kawal Selia Kedua (RP2)
2015-2017	2018-2021
<b>Kadar Tarif Asas</b>	<b>Kadar Tarif Asas</b>
38.53 sen/kWj	39.45 sen/kWj

Di bawah mekanisme IBR, kadar tarif elektrik mempunyai dua (2) komponen utama, iaitu tarif asas yang tidak berubah dalam tempoh kawal selia mekanisme IBR dan ICPT dalam bentuk rebat ataupun surcaj dalam tarif pengguna yang dilaksanakan pada setiap enam (6) bulan. ICPT adalah untuk melepaskan apa-apa kos tak seimbang (*imbalanced cost*), iaitu perbezaan di antara kos sebenar bahan api serta kos lain penjanaan yang didapati munasabah dan di luar kawalan TNB berbanding kos unjuran yang diguna pakai dalam penetapan tarif asas bagi tempoh enam (6) bulan sebelumnya.

Penggunaan dana KWIE bagi menampung surcaj ICPT kepada pengguna domestik dan bukan domestik di Semenanjung di bawah kendalian pihak utiliti iaitu TNB dan NUR Distribution Sdn. Bhd. (NUR Dist.) serta pemegang LAP bagi tahun 2020 berbanding tahun 2019 adalah seperti berikut:

Jumlah Tampungan Surcaj	
2020	2019
RM12 juta	RM1,317 juta

Kerajaan membuat keputusan pada 29 November 2019, supaya surcaj ICPT pada kadar 2.00 sen/kWj bagi tempoh pelaksanaan 1 Januari hingga 30 Jun 2020 dilepaskan kepada semua pengguna bukan domestik dan tidak dikenakan kepada pengguna domestik. Manakala surcaj ICPT bagi pengguna domestik di bawah pemegang LAP ditampung daripada dana KWIE.

Tiada sebarang surcaj dikenakan pada semua pengguna elektrik di Semenanjung bagi tempoh 1 Julai hingga 31 Disember 2020 dengan pengguna bukan domestik akan menikmati penurunan sebanyak 2.00 sen/kWj manakala pengguna domestik akan terus membayar bil elektrik pada kadar yang sedia ada. Oleh itu, tampungan surcaj bagi tahun 2020 terdiri daripada tuntutan oleh pemegang LAP dan NUR Dist. iaitu tuntutan ICPT NUR Dist. bagi tempoh 1 Julai sehingga 31 Disember 2020 sebanyak RM11.55 juta atau RM1.75 sen/kWj ditampung melalui dana KWIE.

Perincian pelarasan tarif elektrik dan penggunaan dana KWIE bagi tahun 2020 berbanding tahun 2019 bagi pengguna di bawah TNB, NUR Dist. dan pemegang LAP adalah seperti berikut:

TEMPOH RP2	2020		2019	
	Jan-Jun	Jul-Dis	Jan-Jun	Jul-Dis
<b>Kadar tarif asas</b>	<b>39.45 sen/kWj</b>		<b>39.45 sen/kWj</b>	
Pelarasan tarif	2.55 sen/kWj	1.13* sen/kWj	3.43 sen/kWj	2.94 sen/kWj
Rebat*/ Surcaj ICPT	2.00 sen/kWj	1.13* sen/kWj	2.15 sen/kWj	2.55 sen/kWj
Kadar kuantum ICPT	41.45 sen/kWj	38.32 sen/kWj	41.60 sen/kWj	42.00 sen/kWj
Surcaj ICPT yang ditampung oleh KWIE	RM0.32 juta	RM11.55 juta	RM872.66 juta	RM443.86 juta

\*Nota: Pemberian rebat kepada semua pengguna elektrik

TEMPOH RP2	2020		2019	
	Jan-Jun	Jul-Dis	Jan-Jun	Jul-Dis
	Tampungan dana KWIE kepada semua pengguna domestik.			
Tampungan surcaj ICPT oleh KWIE	Pelarasan hasil dan kos di bawah IBR digunakan untuk mengurangkan kadar tarif 2.55 sen/kWj kepada 2.00 sen/kWj yang dilepaskan kepada semua pengguna domestik sahaja.	Tiada sebarang surcaj dikenakan kepada semua pengguna di Semenanjung dan pengguna bukan domestik akan menikmati penurunan 2 sen/kWj manakala pengguna domestik akan terus membayar bil elektrik pada kadar sedia ada.	Pelarasan hasil dan kos di bawah IBR digunakan untuk mengurangkan kadar tarif 3.43 sen/kWj kepada 2.15 sen/kWj yang dilepaskan kepada pengguna bukan domestik.	Pelarasan hasil dan kos di bawah IBR digunakan untuk mengurangkan kadar tarif 2.94 sen/kWj kepada 2.55 sen/kWj yang dilepaskan kepada pengguna bukan domestik.

# PERBELANJAAN MENGURUS KWIE

Bagi tujuan mengurus, dana KWIE digunakan untuk perbelanjaan cukai dan kos pentadbiran.

## Perbelanjaan Cukai KWIE


Perbelanjaan cukai KWIE dikira atas lebih pendapatan bercukai bagi tahun semasa berasaskan kepada pengiraan LHDNM dan diuruskan oleh ejen cukai yang dilantik oleh ST. Sejak tahun 2017 sehingga kini, KWIE telah membayar dan memperuntukkan perbelanjaan cukai berjumlah RM458 juta.



## Kos Pentadbiran KWIE

Kos pentadbiran yang dibiayai oleh KWIE merupakan kos pengendalian dana KWIE, iaitu fi audit Jabatan Audit Negara, fi ejen cukai, kos penerbitan Laporan Tahunan, elaun mesyuarat ahli JKKWIE dan caj bank.

KWIE mencatat kenaikan kos pentadbiran sebanyak 2% pada tahun 2020 berbanding tahun 2019. Pecahan kos pentadbiran adalah seperti berikut:





A hand is shown holding a single gold coin, poised to drop it onto a stack of several other gold coins. The scene is set against a dark background with a glowing, hexagonal circuit board pattern. In the foreground, there are three small, yellow, triangular markers with the numbers 1, 2, and 3 on them. The overall lighting is warm, with a reddish-orange tint on the left side of the image.

# PELABURAN DANA KWIE

## PELABURAN DANA KWIE

Pelaburan dana KWIE adalah seperti yang diperuntukkan di bawah subseksyen 44D(1) ABE, di mana peruntukan tersebut menyatakan "Wang dalam KWIE hendaklah, setakat yang tidak dikehendaki atau tidak dengan sertamerta dikehendaki untuk dibelanjakan oleh Suruhanjaya bagi maksud subseksyen 44C(3), dilaburkan mengikut apa-apa cara sebagaimana yang diluluskan oleh Menteri dengan persetujuan Menteri Kewangan".

Selaras dengan subseksyen 44D(1) di atas, dana KWIE telah mendapat kelulusan untuk dilaburkan dalam kelas aset jenis *deposit* di bank-bank berlesen di bawah BNM dan institusi-institusi kewangan yang dibenarkan menerima *deposit* seperti yang disenaraikan oleh MOF. Pelaburan kelas aset jenis *deposit* dana KWIE ialah FD dan STMDD.

Penempatan dan pengagihan pelaburan dana KWIE dilaksanakan selaras dengan Polisi Dana KWIE yang diluluskan oleh Mesyuarat ST Bilangan 6/2018 pada 26 Oktober 2018.

### Polisi Pengagihan dan Penempatan Dana KWIE



#### PENGAGIHAN

Pengagihan  
dana di CA  
dan FD/  
STMMD



#### PENEMPATAN

Penempatan  
dana KWIE  
dalam  
FD/STMMD  
di institusi  
kewangan

### Saiz Pelaburan dan Kadar Pulangan

Purata jumlah pelaburan dana KWIE di dalam FD dan STMMD bagi tahun 2020 ialah RM620 juta dengan pulangan sebanyak RM13 juta pada kadar purata pulangan tahunan sebanyak 2.16%.

BNM telah mengumumkan penurunan kadar OPR sebanyak empat (4) kali dengan jumlah sebanyak 1.25%. Selaras dengan penurunan OPR tersebut, BNM turut mengumumkan penurunan kadar pinjaman asas BLR sebanyak 0.25% yang berkuatkuasa pada 6 Ogos 2020.



The image features a vibrant city skyline at night, with numerous skyscrapers illuminated in various colors like blue, green, and yellow. The skyline is reflected in a body of water below. Overlaid on the scene is a network of glowing lines and nodes, suggesting a digital or technological theme. The background is a dark blue sky filled with stars.

# PERANCANGAN MASA HADAPAN

Sebelum diisytiharkan sebagai pandemik oleh Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) pada Mac 2020, pandemik Covid-19 telah mula menular ke Malaysia seawal Januari 2020. Ianya telah menjejaskan sektor ekonomi negara secara umumnya, namun tamparan hebat dapat dilihat pada sektor kesihatan dan pelancongan. Bagi meredakan impak mendadak ini, pelbagai pakej rangsangan ekonomi telah diumumkan oleh Kerajaan dengan asas untuk memperteguh keyakinan, memperkukuh pertumbuhan serta melindungi pekerjaan.

Antara yang diumumkan Kerajaan adalah diskaun bil elektrik di bawah beberapa pakej ekonomi seperti PRE 2020, PRIHATIN serta BPE dengan peruntukan bersama MOF, KWIE dan TNB. Selaras dengan fungsi KWIE di bawah seksyen 44c(3), ABE iaitu menguruskan impak tarif elektrik terhadap pengguna, KWIE akan terus menyokong segala usaha Kerajaan dalam mengimbangi ekonomi serta kesejahteraan rakyat.

Bagi aktiviti kutipan dana KWIE, hasil pelarasan tarif elektrik di bawah mekanisme ICPT di Semenanjung bagi tempoh 1 Januari hingga 30 Jun 2021 telahpun diluluskan oleh Kerajaan dengan intipati keputusan antaranya lebih penjimatan ICPT tersebut sebanyak RM1.1 bilion dipindahkan ke dana KWIE, manakala penggunaan terhadapnya akan diputuskan oleh Kerajaan.

Sepertimana diputuskan oleh BNM untuk mengekalkan kadar OPR pada tahap 1.75% awal Januari 2021 lepas, BNM mengunjurkan aktiviti ekonomi negara meningkat lebih tinggi berbanding tahun sebelumnya yang dipengaruhi jangkaan kadar inflasi yang lemah ke semasa.

Tahun 2021 bakal menjadi perintis dalam pengurusan dan pentadbiran dana KWIE yang lebih sistematik dan teratur di mana sejumlah peruntukan telah diluluskan dengan tujuan pembangunan sistem perakaunan dan hasil KWIE tersendiri. Untuk rekod, sejak beroperasi pada tahun 2017, proses pengurusan kewangan dan penyediaan penyata kewangan KWIE dilakukan secara manual.



**ANTARA YANG DIUMUMKAN KERAJAAN ADALAH DISKAUN BIL ELEKTRIK DI BAWAH BEBERAPA PAKEJ EKONOMI SEPERTI PRE 2020, PRIHATIN SERTA BPE DENGAN PERUNTUKAN BERSAMA MOF, KWIE DAN TNB. SELARAS DENGAN FUNGSI KWIE DI BAWAH SEKSYEN 44c(3), ABE IAITU MENGURUSKAN IMPAK TARIF ELEKTRIK TERHADAP PENGGUNA, KWIE AKAN TERUS MENYOKONG SEGALA USAHA KERAJAAN DALAM MENGIMBANGI EKONOMI SERTA KESEJAHTERAAN RAKYAT.**



# LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA MENGENAI PENYATA KEWANGAN KUMPULAN WANG INDUSTRI ELEKTRIK

BAGI TAHUN BERAKHIR  
31 DISEMBER 2020

- ▶ PENGAKUAN OLEH PEGAWAI UTAMA YANG BERTANGGUNGJAWAB KE ATAS PENGURUSAN KEWANGAN KWIE
- ▶ PENYATA PENERUSI DAN SEORANG ANGGOTA SURUHANJAYA TENAGA
- ▶ PENYATA KEWANGAN KWIE BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2020



**SIJIL KETUA AUDIT NEGARA  
MENGENAI PENYATA KEWANGAN  
KUMPULAN WANG INDUSTRI ELEKTRIK  
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2020**

**Sijil Mengenai Pengauditan Penyata Kewangan**

**Pendapat**

Saya telah mewakili sebuah firma audit swasta untuk mengaudit Penyata Kewangan Kumpulan Wang Industri Elektrik. Penyata Kewangan tersebut merangkumi Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Disember 2020 Kumpulan Wang Industri Elektrik dan Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Perubahan Ekuiti, Penyata Aliran Tunai serta Penyata Prestasi Bajet bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut dan nota kepada penyata kewangan termasuklah ringkasan polisi perakaunan yang signifikan seperti yang dinyatakan pada muka surat 1 hingga 21.

Pada pendapat saya, penyata kewangan ini memberikan gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Kumpulan Wang Industri Elektrik pada 31 Disember 2020 dan prestasi kewangan serta aliran tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut selaras dengan Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia (MPSAS) dan keperluan Akta Bekalan Elektrik 1990 (Akta 447).

**Asas Kepada Pendapat**

Pengauditan telah dilaksanakan berdasarkan Akta Audit 1957 dan *International Standards of Supreme Audit Institutions*. Tanggungjawab saya diuraikan selanjutnya di perenggan Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan dalam sijil ini. Saya percaya bahawa bukti audit yang diperoleh adalah mencukupi dan bersesuaian untuk dijadikan asas kepada pendapat saya.

**Kebebasan dan Tanggungjawab Etika Lain**

Saya adalah bebas daripada Kumpulan Wang Industri Elektrik dan telah memenuhi tanggungjawab etika lain berdasarkan *International Standards of Supreme Audit Institutions*.



## **Maklumat Lain Selain Daripada Penyata Kewangan dan Sijil Juruaudit Mengenainya**

Anggota Suruhanjaya Tenaga, Kumpulan Wang Industri Elektrik bertanggungjawab terhadap maklumat lain dalam Laporan Tahunan. Pendapat saya terhadap Penyata Kewangan Kumpulan Wang Industri Elektrik tidak meliputi maklumat lain selain daripada Penyata Kewangan dan Sijil Juruaudit mengenainya dan saya tidak menyatakan sebarang bentuk kesimpulan jaminan mengenainya.

## **Tanggungjawab Anggota Suruhanjaya Tenaga Terhadap Penyata Kewangan**

Anggota Suruhanjaya Tenaga bertanggungjawab terhadap penyediaan Penyata Kewangan Kumpulan Wang Industri Elektrik yang memberi gambaran benar dan saksama selaras dengan Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia (MPSAS) dan keperluan Akta Bekalan Elektrik 1990 (Akta 447). Anggota Suruhanjaya Tenaga juga bertanggungjawab terhadap penetapan kawalan dalaman yang perlu bagi membolehkan penyediaan Penyata Kewangan Kumpulan Wang Industri Elektrik yang bebas daripada salah nyata yang ketara sama ada disebabkan fraud atau kesilapan.

Semasa penyediaan Penyata Kewangan Kumpulan Wang Industri Elektrik, Anggota Suruhanjaya Tenaga bertanggungjawab untuk menilai keupayaan Kumpulan Wang Industri Elektrik untuk beroperasi sebagai satu usaha berterusan, mendedahkannya jika berkaitan serta menggunakannya sebagai asas perakaunan.

## **Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan**

Objektif saya adalah untuk memperoleh keyakinan yang munasabah sama ada Penyata Kewangan Kumpulan Wang Industri Elektrik secara keseluruhannya adalah bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan, dan mengeluarkan Sijil Juruaudit yang merangkumi pendapat saya. Jaminan yang munasabah adalah satu tahap jaminan yang tinggi, tetapi bukan satu jaminan bahawa audit yang dijalankan mengikut *International Standards of Supreme Audit Institutions* akan sentiasa mengesan salah nyata yang ketara apabila ia wujud. Salah nyata boleh wujud daripada fraud atau kesilapan dan dianggap ketara sama ada secara individu atau agregat sekiranya boleh dijangkakan dengan munasabah untuk mempengaruhi keputusan ekonomi yang dibuat oleh pengguna berdasarkan penyata kewangan ini.

Sebagai sebahagian daripada pengauditan mengikut *International Standards of Supreme Audit Institutions*, saya menggunakan pertimbangan profesional dan mengekalkan keraguan profesional sepanjang pengauditan. Saya juga:




- a. Mengetahui pasti dan menilai risiko salah nyata ketara dalam Penyata Kewangan Kumpulan Wang Industri Elektrik, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan, merangka dan melaksanakan prosedur audit yang responsif terhadap risiko berkenaan serta mendapatkan bukti audit yang mencukupi dan bersesuaian untuk memberikan asas kepada pendapat saya. Risiko untuk tidak mengesan salah nyata ketara akibat daripada fraud adalah lebih tinggi daripada kesilapan kerana fraud mungkin melibatkan pakatan, pemalsuan, ketinggalan yang disengajakan, representasi yang salah, atau mengatasi kawalan dalaman.
- b. Memahami kawalan dalaman yang relevan untuk merangka prosedur audit yang bersesuaian tetapi bukan untuk menyatakan pendapat mengenai keberkesanan kawalan dalaman Kumpulan Wang Industri Elektrik.
- c. Menilai kesesuaian dasar perakaunan yang diguna pakai dan kemunasabahan anggaran perakaunan dan pendedahan yang berkaitan oleh Anggota Suruhanjaya Tenaga.
- d. Membuat kesimpulan terhadap kesesuaian penggunaan asas perakaunan untuk usaha berterusan oleh Anggota Suruhanjaya Tenaga dan berdasarkan bukti audit yang diperoleh, sama ada wujudnya ketidakpastian ketara yang berkaitan dengan peristiwa atau keadaan yang mungkin menimbulkan keraguan yang signifikan terhadap keupayaan Kumpulan Wang Industri Elektrik sebagai satu usaha berterusan. Jika saya membuat kesimpulan bahawa ketidakpastian ketara wujud, saya perlu melaporkan dalam Sijil Juraudit terhadap pendedahan yang berkaitan dalam Penyata Kewangan Kumpulan Wang Industri Elektrik atau, jika pendedahan tersebut tidak mencukupi, pendapat saya akan diubah. Kesimpulan saya dibuat berdasarkan bukti audit yang diperoleh sehingga tarikh Sijil Juraudit.
- e. Menilai persembahan secara keseluruhan, struktur dan kandungan Penyata Kewangan Kumpulan Wang Industri Elektrik termasuk pendedahannya dan sama ada Penyata Kewangan Kumpulan Wang Industri Elektrik telah melaporkan asas-asas urus niaga dan peristiwa-peristiwa yang memberikan gambaran saksama.



## Hal-hal Lain

- a. Seperti yang dinyatakan pada Nota 3 kepada penyata kewangan, Kumpulan Wang Industri Elektrik telah menerima pakai Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia (MPSAS) mulai 1 Januari 2020 dan 1 Januari 2019, dengan tarikh peralihan pada 1 Januari 2019. Piawaian ini diterima pakai secara retrospektif oleh Anggota Suruhanjaya Tenaga terhadap angka perbandingan dalam penyata kewangan ini, termasuk Penyata Kedudukan Kewangan Kumpulan Wang Industri Elektrik pada 31 Disember 2019 dan Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Perubahan Ekuiti, Penyata Aliran Tunai serta Penyata Prestasi Bajet Kumpulan Wang Industri Elektrik bagi tahun berakhir pada 31 Disember 2019 dan pendedahan berkaitan. Saya tidak terlibat untuk melaporkan maklumat perbandingan yang dinyatakan semula dan yang tidak diaudit. Tanggungjawab saya sebagai sebahagian daripada pengauditan Penyata Kewangan Kumpulan Wang Industri Elektrik bagi tahun berakhir 31 Disember 2020, dalam keadaan ini, termasuk mendapatkan bukti audit yang mencukupi dan bersesuaian yang baki awal pada 1 Januari 2020 tidak mengandungi salah nyata yang boleh memberi kesan ketara terhadap kedudukan kewangan pada 31 Disember 2020 dan prestasi kewangan dan aliran tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut.
- b. Sijil ini dibuat untuk Anggota Suruhanjaya Tenaga berdasarkan keperluan Akta Bekalan Elektrik 1990 (Akta 447) dan bukan untuk tujuan lain. Saya tidak bertanggungjawab terhadap pihak lain bagi kandungan sijil ini.

  
(NORLIZA BINTI MD. NURUDDIN)  
b.p. KETUA AUDIT NEGARA

PUTRAJAYA  
4 OGOS 2021







**PENGAKUAN OLEH PEGAWAI UTAMA YANG BERTANGGUNGJAWAB  
KE ATAS PENGURUSAN KEWANGAN  
KUMPULAN WANG INDUSTRI ELEKTRIK**

Saya Marlinda Binti Mohd Rosli, Pengarah Jabatan Kawal Selia Ekonomi yang bertanggungjawab ke atas pengurusan kewangan dan rekod-rekod perakaunan Kumpulan Wang Industri Elektrik dengan ikhlasnya mengakui bahawa Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Perubahan Ekuiti, Penyata Aliran Tunai dan Penyata Prestasi Bajet dalam kedudukan kewangan yang berikut ini beserta nota-nota kepada Penyata Kewangan di dalamnya mengikut sebaik-baik pengetahuan dan kepercayaan saya, adalah betul dan saya membuat ikrar ini dengan sebenarnya mempercayai bahawa ia adalah benar dan atas kehendak-kehendak Akta Akuan Berkanun, 1960.

Sebenarnya dan sesungguhnya )  
diakui oleh penama di atas )  
di ..... **BANDAR BARU BANGI** )  
pada..... **SELANGOR** )  
29 JUL 2021

  
.....  
Di hadapan saya,



  
.....


PESURUHJAYA SUMPAAH

C-1-2, Bangi Gateway,  
Persiaran Pekeliling,  
43650 Bandar Baru Bangi,  
Selangor.

**PENYATA PENERUSI DAN SEORANG ANGGOTA  
SURUHANJAYA TENAGA**

Kami, Dato' Azian Bin Osman dan Abdul Razib Bin Dawood yang merupakan Pengerusi dan salah seorang Anggota Suruhanjaya Tenaga dengan ini menyatakan bahawa, pada pendapat Anggota Suruhanjaya Tenaga, Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Perubahan Ekuiti, Penyata Aliran Tunai dan Penyata Prestasi Bajet yang berikut ini beserta nota-nota kepada Penyata Kewangan di dalamnya, adalah disediakan untuk menunjukkan pandangan yang benar dan saksama berkenaan kedudukan Kumpulan Wang Industri Elektrik pada 31 Disember 2020 dan hasil kendaliannya serta perubahan kedudukan kewangannya bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut.

Bagi Pihak Anggota,



.....  
Dato' Azian Bin Osman  
Pengerusi

Tarikh: 29/7/2021

Tempat: Suruhanjaya Tenaga  
Presint 2, Putrajaya

Bagi Pihak Anggota,



.....  
Abdul Razib bin Dawood  
Ketua Pegawai Eksekutif

Tarikh: 29/7/2021

Tempat: Suruhanjaya Tenaga  
Presint 2, Putrajaya

# KUMPULAN WANG INDUSTRI ELEKTRIK

## PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN PADA 31 DISEMBER 2020

	Nota	2020 RM	2019 RM
<b>Aset Semasa</b>			
Faedah Belum Terima	5	410,896	2,858,559
Tunai dan Kesetaraan Tunai	6	1,139,701,130	168,335,381
Pelaburan Jangka Pendek	7	-	243,174,710
Penghutang	8	659,384,520	1,043,196,009
Cukai Terdahulu	9	16,316,877	-
<b>Jumlah Aset</b>		<b>1,815,813,423</b>	<b>1,457,564,659</b>
<b>Liabiliti Semasa</b>			
Pemiutang	10	1,263,352,383	145,448,752
Pelbagai Pemiutang	11	26,765	24,025
Peruntukan Cukai		-	190,083,047
<b>Jumlah Liabiliti</b>		<b>1,263,379,148</b>	<b>335,555,824</b>
<b>Dibiayai Oleh:</b>			
Dana Terkumpul		552,434,275	1,122,008,835
<b>Jumlah Liabiliti dan Dana Terkumpul</b>		<b>1,815,813,423</b>	<b>1,457,564,659</b>

Nota-nota yang disertakan dari muka surat 6 hingga 21 merupakan sebahagian asasi penyata kewangan ini.



# KUMPULAN WANG INDUSTRI ELEKTRIK

## PENYATA PRESTASI KEWANGAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2020

	Nota	2020 RM	2019 RM
<b>Pendapatan</b>			
Terimaan Sumbangan	12	1,346,496,347	1,971,346,852
Pendapatan Faedah	13	20,174,338	24,403,444
		<b>1,366,670,685</b>	<b>1,995,750,296</b>
<b>Perbelanjaan</b>			
Surcaj <i>Imbalance Cost Pass-Through</i> (ICPT)	14	(11,867,913)	(1,316,694,219)
Diskaun Elektrik	15	(1,918,351,208)	-
Kos Pentadbiran	16	(55,690)	(55,221)
Caj Bank		(485)	(286)
		(1,930,275,296)	(1,316,749,726)
<b>(KURANGAN)/LEBIHAN KENDALIAN SEBELUM CUKAI</b>		<b>(563,604,611)</b>	<b>679,000,570</b>
Perbelanjaan Cukai	17	(5,969,949)	(190,083,047)
<b>(KURANGAN)/LEBIHAN KENDALIAN BERSIH SELEPAS CUKAI BAGI TAHUN KEWANGAN</b>	18	<b>(569,574,560)</b>	<b>488,917,523</b>

Nota-nota yang disertakan dari muka surat 6 hingga 21 merupakan sebahagian asasi penyata kewangan ini.

# KUMPULAN WANG INDUSTRI ELEKTRIK

## PENYATA PERUBAHAN EKUITI BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2020

	2020	2019
	RM	RM
Baki pada 1 Januari	1,122,008,835	633,091,312
Pendapatan	1,366,670,685	1,995,750,296
	<b>2,488,679,520</b>	<b>2,628,841,608</b>
Perbelanjaan	(1,930,275,296)	(1,316,749,726)
Cukai tahun semasa	(5,969,949)	(190,083,047)
	(1,936,245,245)	(1,506,832,773)
<b>Baki pada 31 Disember</b>	<b>552,434,275</b>	<b>1,122,008,835</b>

Nota-nota yang disertakan dari muka surat 6 hingga 21 merupakan sebahagian asasi penyata kewangan ini.

# KUMPULAN WANG INDUSTRI ELEKTRIK

## PENYATA ALIRAN TUNAI BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2020

	2020 RM	2019 RM
<b>Aliran tunai daripada kegiatan kendalian</b>		
(Kurangan)/Lebihan kendalian sebelum cukai	(563,604,611)	679,000,570
Pelarasan bagi:		
Pendapatan Faedah	(20,174,338)	(24,403,444)
<b>(Kurangan)/Lebihan kendalian sebelum perubahan modal kerja</b>	<b>(583,778,949)</b>	<b>654,597,126</b>
Perubahan dalam modal kerja:		
Penghutang	383,811,489	(1,020,247,748)
Faedah belum terima	2,447,663	7,474,120
Pemiutang dan Pelbagai Pemiutang	1,117,906,371	28,054,356
<b>Tunai dihasilkan/(digunakan) dalam kegiatan kendalian</b>	<b>920,386,574</b>	<b>(330,122,146)</b>
Bayaran cukai	(212,369,873)	(66,860,486)
<b>Tunai bersih dihasilkan/(digunakan) dalam kegiatan kendalian</b>	<b>708,016,701</b>	<b>(396,982,632)</b>
<b>Aliran tunai daripada kegiatan pelaburan</b>		
Pendapatan faedah	20,174,338	24,403,444
Pelaburan jangka pendek	243,174,710	308,018,290
<b>Tunai bersih dihasilkan daripada kegiatan pelaburan</b>	<b>263,349,048</b>	<b>332,421,734</b>
<b>Penambahan/(Pengurangan) bersih tunai dan kesetaraan tunai</b>	<b>971,365,749</b>	<b>(64,560,898)</b>
<b>Tunai dan kesetaraan tunai pada awal tahun</b>	<b>168,335,381</b>	<b>232,896,279</b>
<b>Tunai dan kesetaraan tunai pada akhir tahun</b>	<b>1,139,701,130</b>	<b>168,335,381</b>
<b>Tunai dan kesetaraan tunai terdiri daripada:</b>		
Tunai dan Baki di Bank	663,130	88,381
Deposit di Bank Berlesen	1,139,038,000	168,247,000
	<b>1,139,701,130</b>	<b>168,335,381</b>

Nota-nota yang disertakan dari muka surat 6 hingga 21 merupakan sebahagian asasi penyata kewangan ini.

# KUMPULAN WANG INDUSTRI ELEKTRIK

## PENYATA PRESTASI BAJET BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2020

	Bajet RM	Jumlah Sebenar RM	^Varian Bajet
<b>Penerimaan</b>			
Terimaan Sumbangan	1,528,390,000	1,346,496,347	181,893,653
Pendapatan Faedah	20,200,000	20,174,338	25,662
	<b>1,548,590,000</b>	<b>1,366,670,685</b>	<b>181,919,315</b>
<b>Pembayaran</b>			
Surcaj ICPT	12,110,000	11,867,913	242,087
Diskaun Elektrik	1,993,200,000	1,918,351,208	74,848,792
Kos Pentadbiran dan caj bank	87,600	56,175	31,425
Cukai Tahun Semasa	6,004,010	5,969,949	34,061
	2,011,401,610	1,936,245,245	75,156,365
<b>Kurangan Pendapatan Ke Atas Perbelanjaan</b>	<b>(462,811,610)</b>	<b>(569,574,560)</b>	<b>106,762,950</b>

^ Merujuk kepada varian di antara Jumlah Bajet dan Jumlah Sebenar.

Nota-nota yang disertakan dari muka surat 6 hingga 21 merupakan sebahagian asasi penyata kewangan ini.



# KUMPULAN WANG INDUSTRI ELEKTRIK

## NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2020

### 1. MAKLUMAT AM

Suruhanjaya Tenaga merupakan agensi pengawalselia tunggal bagi pengawalseliaan dan pembangunan sektor tenaga. Suruhanjaya Tenaga mempunyai tanggungjawab langsung bagi menyelia dan mengawasi kegiatan penjaan tenaga termasuk mengawalselia setiap individu yang berlesen bawah Akta Suruhanjaya Tenaga 2001 dan Akta Bekalan Elektrik 1990.

Di bawah peruntukan subseksyen 26(1) Akta Bekalan Elektrik 1990 menyatakan bahawa “Suruhanjaya boleh menentukan tarif dan caj untuk dilevikan, dengan kelulusan Menteri, oleh seseorang pemegang lesen.” Berasaskan kepada peruntukan undang-undang tersebut, Suruhanjaya Tenaga dengan kelulusan Kerajaan telah mula melaksanakan kerangka kerja kawal selia berasaskan insentif (*Incentive-Based Regulation Framework – IBR*) bagi penetapan dan pelarasan tarif elektrik Tenaga Nasional Berhad (TNB) pada setiap tempoh kawal selia tiga tahun bermula tahun 2015 hingga tahun 2017 sebagai tempoh kawal selia tiga tahun yang pertama. Pada 13 Disember 2017, Kerajaan juga telah bersetuju untuk meneruskan pelaksanaan kerangka kerja IBR bagi tempoh kawal selia yang kedua bermula pada tahun 2018 hingga 2020. Pada 18 Disember 2020, Kerajaan bersetuju untuk melanjutkan tempoh *Regulatory Period 2* yang berakhir pada tahun 2020 kepada tahun 2021.

Di bawah IBR, tarif elektrik mempunyai dua komponen utama, iaitu tarif asas yang tidak berubah dalam tempoh kawal selia IBR dan *Imbalance Cost Pass-Through* (ICPT) dalam bentuk rebat atau pun surcaj dalam tarif pengguna yang dilaksanakan pada setiap 6 bulan. ICPT adalah untuk melepaskan apa-apa kos tak berimbang (*imbalance cost*), iaitu perbezaan di antara kos sebenar bahan api serta kos lain penjaan yang didapati munasabah dan diluar kawalan TNB dengan kos unjuran yang diguna pakai dalam penetapan tarif asas bagi tempoh 6 bulan sebelumnya.

---

## 2. KUMPULAN WANG INDUSTRI ELEKTRIK

Kumpulan Wang Industri Elektrik (KWIE) ditadbir urus sepenuhnya oleh Suruhanjaya Tenaga yang beroperasi di No.12, Jalan Tun Hussein, Presint 2, 62100 Putrajaya.

KWIE telah ditubuhkan melalui Akta Bekalan Elektrik 1990 (Akta 447) ABE, yang dipinda dan dikuatkuasa pada 1 Januari 2016 bagi tujuan menguruskan impak tarif elektrik kepada pengguna serta apa-apa maksud lain yang berkaitan dengan industri elektrik sebagaimana yang disifatkan perlu oleh Suruhanjaya Tenaga. KWIE beroperasi sepenuhnya pada tahun 2017.

Penyata Kewangan ini telah diluluskan dan ditandatangani oleh Anggota Suruhanjaya Tenaga pada **29 Julai 2021**.

Penyata Kewangan KWIE dibentangkan dalam Ringgit Malaysia (RM).

## 3. ASAS PENYEDIAAN

### a) Keterangan Pematuhan

Penyata kewangan Suruhanjaya Tenaga yang disediakan berdasarkan kepada Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia – “Malaysian Public Sector Accounting Standard” (MPSAS) yang diluluskan oleh Jabatan Akauntan Negara Malaysia (JANM).

MPSAS 33 membenarkan pengguna kali pertama untuk mengiktiraf dan mengukur Aset dan Liabiliti tertentu dalam tempoh satu (1) sehingga tiga (3) tahun.

### b) Asas Pengukuran

Penyata Kewangan telah disediakan berasaskan konvensyen kos sejarah dan amalan perakaunan yang diterima umum di Malaysia.

### c) Perubahan Polisi Perakaunan

Pada 1 Januari 2020, KWIE memilih untuk menerima pakai MPSAS yang akan berkuat kuasa bagi penyata kewangan tahunan yang bermula pada atau selepas 1 Januari 2021. Piawaian yang diterima pakai adalah seperti berikut:-

**c) Perubahan Polisi Perakaunan (sambungan)**

MPSAS 1	Persembahan Penyata Kewangan
MPSAS 2	Penyata Aliran Tunai
MPSAS 3	Polisi Perakaunan, Perubahan dalam Anggaran Perakaunan dan Kesilapan
MPSAS 9	Hasil daripada Transaksi Pertukaran
MPSAS 14	Peristiwa Selepas Tarikh Pelaporan
MPSAS 19	Peruntukan, Liabiliti Luar Jangka dan Aset Luar Jangka
MPSAS 20	Pendedahan Pihak Berkaitan
MPSAS 22	Pendedahan Maklumat Kewangan
MPSAS 23	Hasil daripada Transaksi Bukan Pertukaran (Cukai dan Pindahan)
MPSAS 24	Persembahan Maklumat Bajet dalam Penyata Kewangan
MPSAS 26	Rosot Nilai Aset Penjana Tunai
MPSAS 29	Instrumen Kewangan: Pengiktirafan dan Pengukuran
MPSAS 30	Instrumen Kewangan: Pendedahan
MPSAS 33	Kali Pertama Penggunaan Asas Akruan MPSAS
MPSAS 34	Penyata Kewangan Berasingan
MPSAS 37	Pengaturan Bersama
MPSAS 38	Pendedahan Kepentingan di dalam Entiti Lain

Semua perubahan di dalam polisi perakaunan adalah berdasarkan peruntukan peralihan di dalam piawaian di atas. Walau bagaimanapun, pertukaran kepada MPSAS tidak memberi kesan nyata terhadap amaun penyata kewangan bagi tahun perbandingan berakhir 31 Disember 2019.

**d) Anggaran Dan Pertimbangan Perakaunan Signifikan**

Penyediaan Penyata Kewangan mengikut MPSAS memerlukan pengurusan untuk membuat pertimbangan anggaran dan andaian yang mempengaruhi pemakaian polisi perakaunan dan laporan amaun aset, liabiliti, pendapatan dan perbelanjaan.

Walaupun pertimbangan, anggaran dan andaian adalah berdasarkan kepada pengetahuan dan tindakan semasa pihak pengurusan yang terbaik, keputusan sebenar mungkin berbeza. Anggaran dan andaian disemak atas dasar berterusan. Semakan anggaran perakaunan, sekiranya ada akan diiktiraf dalam tempoh di mana anggaran disemak dan dalam mana-mana tempoh hadapan yang berkenaan.



---

#### 4. POLISI PERAKAUNAN

##### a) Tunai dan Kesetaraan Tunai

Tunai dan kesetaraan tunai merangkumi tunai di tangan, bank dan deposit di bank dan institusi kewangan lain yang mempunyai kecairan tinggi dengan tempoh matang 3 bulan dan kurang dari tarikh pembelian dan sedia ditukar dalam bentuk tunai dengan risiko perubahan nilai yang rendah.

Penyata Aliran Tunai disediakan menggunakan kaedah secara tidak langsung.

##### b) Pelaburan Jangka Pendek

Pelaburan jangka pendek (PJP) merupakan deposit di bank dan institusi kewangan lain serta mempunyai kecairan tinggi dengan tempoh matang lebih 3 bulan dan sehingga setahun dari tarikh pembelian dan sedia ditukar dalam bentuk tunai dengan risiko perubahan nilai yang rendah.

##### c) Penghutang

Penghutang dinyatakan pada kos dan ditolak dengan peruntukan hutang ragu, jika ada.

##### d) Pemiutang

Pemiutang dan pelbagai pemiutang dinyatakan pada nilai saksama bayaran yang perlu dibayar untuk barangan dan perkhidmatan yang telah diterima.

##### e) Rosot Nilai

Nilai bawaan bagi aset-aset KWIE dan aset kewangan disemak semula pada setiap tarikh penyata kedudukan kewangan untuk menentukan sama ada terdapat sebarang petunjuk adanya rosot nilai. Jika petunjuk tersebut wujud, nilai perolehan semula akan dianggarkan. Kerugian rosot nilai akan diiktiraf dalam penyata pendapatan melainkan jika nilai bawaan aset tersebut telah dinilai semula, di mana ianya dikenakan ke rizab. Kerugian rosot nilai diiktiraf apabila nilai gunaan bagi aset atau aset yang dipunyai oleh unit penghasilan tunai melebihi nilai penampungnya.

**e) Rosot Nilai (sambungan)**

Amaun yang boleh diperolehi adalah nilai yang lebih besar antara harga jualan bersih harta tersebut dan nilai gunaannya. Dalam menentukan nilai gunaan, anggaran nilai tunai masa depan akan didiskaunkan kepada nilai terkini menggunakan kadar diskaun sebelum cukai yang menunjukkan penilaian pasaran semasa terhadap nilai masa tunai dan risiko-risiko khusus atas harta tersebut. Bagi aset yang tidak menghasilkan sebahagian besar aliran tunainya secara tersendiri, amaun yang boleh diperolehi ditentukan untuk aset yang dipunyai oleh unit penghasilan tunai untuk aset berkenaan.

Bagi aset-aset yang lain, kerugian rosot nilai akan diambilkira semula apabila terdapat perubahan dalam anggaran yang digunakan untuk menentukan amaun yang boleh diperolehi.

Kerugian rosot nilai hanya akan dikira semula ke tahap nilai bawaan aset tersebut tidak melebihi nilai bawaan asal, setelah ditolak susutnilai, seolah-olah kerugian rosot nilai tidak pernah dikenakan. Kiraan semula tersebut akan dikenakan ke penyata pendapatan, melainkan jika kiraan semula tersebut dikenakan kepada aset yang dinilai semula, ianya akan dikenakan ke ekuiti.

**f) Percukaian**

Cukai pendapatan ke atas lebihan atau defisit bagi tahun berkenaan ialah cukai semasa. Cukai semasa ialah amaun cukai pendapatan dijangka yang perlu dibayar atas lebihan boleh cukai bagi tahun berkenaan dan diukur dengan menggunakan kadar cukai yang digunakan pada tarikh penyata kedudukan kewangan.

Perbelanjaan cukai semasa adalah bayaran cukai yang dijangkakan ke atas pendapatan yang boleh dikenakan cukai bagi tahun semasa, dengan menggunakan kadar cukai yang diwartakan atau sebahagian besarnya diwartakan pada tarikh penyata kedudukan kewangan, dan sebarang perubahan pada bayaran cukai untuk tahun terdahulu.

Pada tahun kewangan 2020, KWIE telah diberikan pengecualian cukai ke atas semua pendapatan berkanun untuk tempoh dua (2) tahun mulai tahun taksiran 2020 hingga tahun taksiran 2021. Walau bagaimanapun, pendapatan-pendapatan lain yang diterima oleh KWIE adalah tertakluk kepada cukai pendapatan.

---

**g) Pengiktirafan Pendapatan dan Perbelanjaan**

i) Pengiktirafan Pendapatan

Pendapatan transaksi bukan tukaran

Pendapatan dari terimaan sumbangan diiktiraf mengikut asas akruan apabila hak yang diluluskan untuk menerima sumbangan disahkan dan diterima pada tahun kewangan.

Pendapatan transaksi tukaran

Pendapatan faedah daripada simpanan tetap juga diambilkira mengikut asas akruan.

ii) Pengiktirafan Perbelanjaan

Perbelanjaan bagi surcaj/rebat ICPT, peruntukan cukai dan kos pentadbiran diambilkira mengikut asas akruan.

Walau bagaimanapun, perbelanjaan surcaj ICPT pemegang Lesen Awam Pengagihan (LAP) diambilkira mengikut asas tunai dan direkodkan berdasarkan penerimaan dokumen tuntutan daripada pemegang LAP.

**h) Pendedahan Pihak Berkaitan**

Pihak-pihak yang dianggap berkaitan jika satu pihak mempunyai keupayaan untuk mengawal pihak lain atau melaksanakan pengaruh ke atas pihak lain, setakat mana ia menghalang pihak lain dari mengejar kepentingan sendiri yang berasingan dalam membuat keputusan kewangan dan operasi.

**i) Pertimbangan Perakaunan Kritikal Dan Sumber Utama Ketidakpastian Anggaran**

KWIE berpendapat bahawa tiada pertimbangan perakaunan kritikal dan sumber utama ketidakpastian anggaran yang digunakan ketika menyediakan penyata kewangan selain yang dinyatakan di bawah:



**i) Pertimbangan Perakaunan Kritikal Dan Sumber Utama Ketidakpastian Anggaran (sambungan)**Pengukuran Peruntukan

KWIE menggunakan anggaran terbaik sebagai asas untuk mengukuh sesuatu peruntukan. Anggaran itu dibuat berdasarkan kepada pengalaman lalu, lain-lain petunjuk atau andaian, perkembangan terkini dan peristiwa masa hadapan yang munasabah dalam menentukan sesuatu peruntukan.

**j) Peruntukan**

Peruntukan merujuk kepada obligasi perundangan atau komitmen konstruktif berpunca daripada peristiwa lampau yang ada kecenderungan berlakunya aliran keluar sumber ekonomi atau potensi perkhidmatan untuk melunaskan obligasi tersebut. Anggaran jumlah aliran keluar tersebut mestilah boleh dibuat dengan objektif.

Peruntukan ini akan dikaji semula pada setiap tarikh penyata kedudukan kewangan dan diselaraskan untuk menggambarkan anggaran semasa yang terbaik. Di mana kesan nilai masa wang adalah material, jumlah peruntukan adalah nilai kini perbelanjaan yang dijangka akan diperlukan untuk menyelesaikan obligasi tersebut.

**k) Maklumat Bajet**

Bajet tahunan merujuk kepada perbelanjaan dan pendapatan dirancang untuk menentukan keperluan KWIE yang didedahkan di dalam satu penyata.

## 5. FAEDAH BELUM TERIMA

	2020	2019
	RM	RM
Faedah Belum Terima	410,896	2,858,559
<b>JUMLAH</b>	<b>410,896</b>	<b>2,858,559</b>

Pendapatan faedah belum terima adalah faedah belum matang bagi dana yang ditempatkan di akaun *short-term money market deposit* (STMMD), akaun simpanan tetap (FD) dan PJP berlandaskan patuh syariah yang diambil kira dari tarikh penempatan sehingga tahun kewangan berakhir pada 31 Disember.

## 6. TUNAI DAN KESETARAAN TUNAI

	2020	2019
	RM	RM
Tunai di Tangan dan Bank	663,130	88,381
Deposit di Bank Berlesen	1,139,038,000	168,247,000
<b>JUMLAH</b>	<b>1,139,701,130</b>	<b>168,335,381</b>

Tunai di tangan digunakan khususnya untuk pembayaran elaun kehadiran mesyuarat ahli Jawatankuasa KWIE, manakala tunai di bank ialah tunai yang disimpan di dalam akaun simpanan semasa di CIMB Islamic Bank.

Deposit di bank berlesen ialah jumlah simpanan di akaun STMMD dan di akaun FD dengan tempoh matang 3 bulan dan kurang dari tarikh pembelian, dan akan dipindahkan ke akaun simpanan semasa pada tarikh matang.

## 7. PELABURAN JANGKA PENDEK

	2020	2019
	RM	RM
Pelaburan Jangka Pendek	-	243,174,710
<b>JUMLAH</b>	<b>-</b>	<b>243,174,710</b>

PJP ialah dana dalam akaun FD dengan tempoh matang 3 bulan dan lebih yang ditempatkan di institusi - institusi kewangan yang mendapat kelulusan Kementerian Kewangan. Pada tahun 2020, tiada dana ditempatkan di dalam PJP memandangkan KWIE mempunyai komitmen untuk melunaskan tuntutan pemberian diskaun elektrik.

**8. PENGHUTANG**

	<b>2020</b>	<b>2019</b>
	<b>RM</b>	<b>RM</b>
Lebihan ICPT di bawah IBR	167,704,181	-
Penjimatan <i>Gas Billing Mechanisme</i> (GBM)	-	16,178,326
Pelarasan Hasil dan Kos di bawah IBR	91,880,339	773,983,262
Penjimatan Pelarasan Kos Pembelian Arang Batu	-	253,034,421
Peruntukan Kementerian Kewangan (MOF) bagi Diskaun Elektrik	399,800,000	-
<b>JUMLAH</b>	<b>659,384,520</b>	<b>1,043,196,009</b>

Lebihan ICPT di bawah mekanisme IBR yang belum diterima daripada TNB berjumlah RM167,704,181 adalah bagi bulan November dan Disember 2020 masing-masing sebanyak RM102,260,695 dan RM65,443,486.

Manakala, kelulusan Kerajaan pada 18 Disember 2020 supaya pelarasan hasil dan kos di bawah IBR sebanyak RM91,880,339 bagi tempoh 1 Julai hingga 31 Disember 2020 dipindahkan ke dalam KWIE dan diterima oleh KWIE pada tahun 2021.

Peruntukan tampungan diskaun bil elektrik oleh MOF bagi tahun 2020 berbaki sebanyak RM399,800,000 dipindahkan ke dalam akaun KWIE pada tahun 2021.

Penerangan dibaca bersama **Nota 12**.

**9. CUKAI TERDAHULU**

	<b>2020</b>	<b>2019</b>
	<b>RM</b>	<b>RM</b>
Cukai terdahulu	16,316,877	-
<b>JUMLAH</b>	<b>16,316,877</b>	<b>-</b>

KWIE telah membuat bayaran ansuran cukai kepada Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM) bagi tahun taksiran 2020 sebanyak RM22,286,828 pada tahun 2020. KWIE telah diberi pengecualian cukai ke atas semua pendapatan berkanun untuk tempoh dua (2) tahun mulai tahun taksiran 2020 hingga tahun taksiran 2021. Walau bagaimanapun, pendapatan-pendapatan lain yang diterima oleh KWIE adalah tertakluk kepada cukai pendapatan.



## 9. CUKAI TERDAHULU (SAMBUNGAN)

Sehubungan itu, pendapatan lain diterima KWIE iaitu pendapatan faedah bagi tahun 2020 dikenakan cukai sebanyak RM5,969,951. Oleh itu, cukai terdahulu sebanyak RM16,316,877 adalah lebih ansuran cukai selepas mengambil kira cukai dikenakan bagi tahun taksiran 2020.

Penerangan dibaca bersama **Nota 17**.

## 10. PEMIUTANG

	<b>2020</b>	<b>2019</b>
	<b>RM</b>	<b>RM</b>
TNB	1,242,313,149	145,357,509
NUR Distribution Sdn Bhd (NUR)	11,761,594	-
LAP	9,277,640	91,243
<b>JUMLAH</b>	<b>1,263,352,383</b>	<b>145,448,752</b>

Pemiutang adalah komitmen yang perlu dibayar oleh KWIE dalam tahun semasa tetapi belum dijelaskan lagi berikutan dokumen tuntutan masih belum lengkap atau diterima oleh unit KWIE.

Pada tahun 2020, komitmen pembayaran KWIE terdiri daripada baki pemberian diskaun elektrik kepada pengguna domestik dan bukan domestik melalui Pakej Rangsangan Ekonomi 2020 (PRE 2020) Pakej Rangsangan Ekonomi Prihatin Rakyat (PRIHATIN) dan Bantuan PRIHATIN Elektrik (BPE) yang dituntut oleh TNB sebanyak RM1,242,313,149 (termasuk diskaun elektrik yang ditampung oleh MOF sebanyak RM399,800,000) dan pemegang LAP sebanyak RM9,277,640. Pembayaran tuntutan yang ditampung oleh MOF akan dijelaskan kepada TNB setelah dana berkenaan diterima oleh KWIE.

Bagi NUR pula, sebanyak RM11,550,000 juta adalah pelarasan tarif elektrik di bawah mekanisme ICPT bagi tempoh 1 Julai hingga 31 Disember 2020. Termasuk di dalam komitmen pembayaran kepada NUR adalah tuntutan diskaun elektrik yang belum dijelaskan sebanyak RM211,594 yang turut direkodkan sebagai sebahagian daripada LAP di dalam Nota 15.

Komitmen pemiutang ini akan dijelaskan pada awal tahun 2021.

Penerangan dibaca bersama **Nota 14 dan 15**.

**11. PELBAGAI PEMIUTANG**

	<b>2020</b>	<b>2019</b>
	<b>RM</b>	<b>RM</b>
Fi Audit	18,025	18,205
Fi Ejen Cukai	8,740	6,000
<b>JUMLAH</b>	<b>26,765</b>	<b>24,025</b>

Fi Audit merujuk kepada fi yang dibayar bagi tujuan pengauditan Penyata Kewangan KWIE. Bagi tahun kewangan 2019 dan 2020, Jabatan Audit Negara (JAN) telah melantik Firma Audit Swasta (FAS) bagi menjalankan pengauditan Penyata Kewangan KWIE.

Fi Ejen Cukai merujuk kepada fi yang dibayar kepada ejen cukai yang dilantik bagi menguruskan hal-hal berkenaan dengan cukai KWIE. Ejen yang dilantik adalah KPMG Tax Services Sdn Bhd (KPMG). Kos sebanyak RM6,000 adalah tidak termasuk kos *out of pocket* yang terlibat pada tahun semasa. Termasuk dalam fi ejen cukai juga adalah pembayaran pengurusan berkaitan dengan pengecualian cukai ansuran bagi tahun 2020.

**12. TERIMAAN SUMBANGAN**

	<b>2020</b>	<b>2019</b>
	<b>RM</b>	<b>RM</b>
Lebihan ICPT di bawah IBR	1,013,830,506	-
Pelarasan Hasil dan Kos di bawah IBR	332,665,841	1,674,971,131
Penjimatan GBM beserta faedah	-	43,341,300
Penjimatan Pelarasan Kos Pembelian Arang Batu	-	253,034,421
<b>JUMLAH</b>	<b>1,346,496,347</b>	<b>1,971,346,852</b>

Lebihan ICPT di bawah mekanisme IBR diterima daripada TNB bagi tempoh 1 Januari hingga 30 Jun 2020 sebanyak RM444,820,397 dan tempoh 1 Julai hingga Disember 2020 sebanyak RM569,010,109.

Pelarasan hasil dan kos di bawah mekanisme IBR bagi tempoh 1 Januari hingga 30 Jun 2020 yang diterima sebanyak RM240,785,502, manakala bagi tempoh 1 Julai hingga Disember 2020 sebanyak RM91,880,339.

## 12. TERIMAAN SUMBANGAN (SAMBUNGAN)

Keputusan Kerajaan supaya dana berkenaan dipindahkan ke dana KWIE seperti di bawah:

Tarikh MJM	Keputusan
i. 29 November 2019	• Anggaran lebihan ICPT tempoh 1 Januari 2020 hingga 30 Jun 2020 sebanyak RM531.09 juta <sup>1</sup> .
ii. 24 Jun 2020	• Anggaran lebihan ICPT tempoh 1 Julai 2020 hingga 31 Disember 2020 sebanyak RM569 juta <sup>1</sup> . • Anggaran pelarasan hasil dan kos bagi tempoh 1 Januari 2020 hingga 30 Jun 2020 sebanyak RM336.42 juta <sup>2</sup> .
iii. 18 Disember 2020	• Anggaran pelarasan hasil dan kos bagi tempoh 1 Julai hingga 31 Disember 2020 sebanyak RM91.88 juta <sup>2</sup> .

Nota:

1. Lebihan ICPT yang diluluskan oleh Kerajaan adalah berasaskan amaun anggaran manakala dana yang dipindahkan oleh TNB ke dalam KWIE berdasarkan amaun sebenar dan terhad setakat amaun yang diluluskan oleh Kerajaan. Sekiranya amaun sebenar selepas audit melebihi amaun yang diluluskan Kerajaan, amaun perbezaan berkenaan akan dilaraskan semasa semakan tarif pada tempoh semakan berikutnya.
2. Pelarasan hasil dan kos yang diluluskan oleh Kerajaan adalah berasaskan amaun anggaran manakala dana yang dipindahkan oleh TNB ke dalam KWIE berdasarkan amaun sebenar selepas audit.

Penerangan dibaca bersama **Nota 8**.

## 13. PENDAPATAN FAEDAH

	2020 RM	2019 RM
Akaun STMMMD/ FD/ PJP		
~ Faedah Matang	12,962,715	15,973,102
~ Faedah Belum Terima	410,896	2,858,559
Akaun CA	6,800,727	5,571,783
<b>JUMLAH</b>	<b>20,174,338</b>	<b>24,403,444</b>



**14. SURCAJ ICPT**

	<b>2020</b>	<b>2019</b>
	<b>RM</b>	<b>RM</b>
TNB	-	1,316,521,432
NUR	11,550,000	-
LAP	317,913	172,787
<b>JUMLAH</b>	<b>11,867,913</b>	<b>1,316,694,219</b>

Baki surcaj ICPT NUR bagi tempoh 1 Julai sehingga 31 Disember 2020 yang ditampung melalui dana KWIE adalah sebanyak RM11.55 juta atau RM1.75 sen/kWj.

Bagi pemegang LAP, tuntutan surcaj ICPT pengguna domestik berdasarkan tuntutan sebenar yang dijelaskan pada tahun 2020.

Penerangan dibaca bersama **Nota 10**.

**15. DISKAUN ELEKTRIK**

	<b>2020</b>	<b>2019</b>
	<b>RM</b>	<b>RM</b>
TNB	1,888,947,553	-
LAP (termasuk NUR)	29,403,655	-
<b>JUMLAH</b>	<b>1,918,351,208</b>	<b>-</b>

Kerajaan telah mengumumkan pemberian diskaun bil elektrik ekoran penularan wabak pandemik COVID-19 pada tahun 2020. Pemberian diskaun bil elektrik di bawah Pakej Rangsangan Ekonomi dilaksanakan melalui (PRE 2020), PRIHATIN dan BPE dengan anggaran tampungan oleh dana KWIE berjumlah RM1,993.2 juta.

Diskaun bil elektrik ini diberikan kepada pengguna domestik dan bukan domestik di Semenanjung Malaysia melalui pembekal utiliti iaitu TNB dan Pemegang LAP yang kemudiannya dituntut berdasarkan tuntutan sebenar dan dijelaskan oleh dana KWIE.

Tempoh pelaksanaan pemberian diskaun bil elektrik adalah seperti berikut:

- Pelaksanaan (PRE 2020) – 1 April hingga 30 September 2020
- Pelaksanaan PRIHATIN – 1 April hingga 31 Disember 2020
- Pelaksanaan BPE – 1 April hingga 30 Jun 2020

## 15. DISKAUN ELEKTRIK (SAMBUNGAN)

Pemberian diskaun elektrik mengikut pakej dan tuntutan oleh pembekal utiliti ialah:

Perkara	PRE2020 (RM Juta)	PRIHATIN (RM Juta)	BPE (RM Juta)	Jumlah (RM Juta)
Pengguna di bawah TNB	515.3	567.1	806.5	1,888.9
Pengguna di bawah LAP	25.4	1.6	2.2	29.4
Jumlah (RM Juta)	540.7	568.7	808.7	1,918.3

Penerangan dibaca bersama **Nota 10**.

## 16. KOS PENTADBIRAN

	2020 RM	2019 RM
Elaun Kehadiran Mesyuarat	13,000	12,500
Fi Audit	18,025	18,025
Fi Ejen Cukai	11,064	6,556
Kos Penerbitan Laporan Tahunan	13,601	18,140
<b>JUMLAH</b>	<b>55,690</b>	<b>55,221</b>

Selaras dengan seksyen 44c ABE, Mesyuarat Suruhanjaya Tenaga bilangan 7 Tahun 2017 telah memutuskan supaya dana KWIE digunakan bagi membuat pembayaran cukai, kos khidmat perunding, kos khidmat juruaudit atau perkhidmatan khas di luar pentadbiran Suruhanjaya Tenaga. Manakala, kos-kos sokongan pentadbiran lain dibiayai sepenuhnya oleh Suruhanjaya Tenaga.

Elaun Kehadiran Mesyuarat merujuk kepada elaun yang diberikan kepada wakil tetap atau wakil ganti atau wakil yang hadir dari ahli luar yang hadir ke Mesyuarat Jawatankuasa KWIE mulai tahun 2017. Ahli luar JKKWIE merupakan wakil daripada Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri, Kementerian Tenaga, dan Sumber Asli (KeTSA), MOF dan Gabungan Persatuan-Persatuan Pengguna Malaysia (FOMCA).

Penerangan dibaca bersama **Nota 11**.

**17. PERBELANJAAN CUKAI**

	<b>2020</b>	<b>2019</b>
	<b>RM</b>	<b>RM</b>
<b>Perbelanjaan Cukai</b>		
Cukai tahun semasa	5,969,951	190,083,047
Lebihan peruntukan tahun terdahulu	(2)	-
<b>JUMLAH</b>	<b>5,969,949</b>	<b>190,083,047</b>
<b>Penyesuaian kadar cukai efektif</b>		
Pendapatan faedah/ Lebihan pendapatan sebelum cukai	20,174,338	679,000,570
<u>Tambah:</u>		
Kos penerbitan laporan tahunan 2018	-	18,150
Fi ejen cukai tahun 2018	-	556
	20,174,338	679,019,276
Cukai pada RM1,000,000 pertama	237,650	237,650
Cukai pada RM1,000,000 kedua	280,000	-
Baki pada kadar cukai 30% (2019:28%)	5,452,301	189,845,397
Perbelanjaan Cukai	5,969,951	190,083,047
Lebihan peruntukan tahun terdahulu	(2)	-
<b>JUMLAH</b>	<b>5,969,949</b>	<b>190,083,047</b>

Pada tahun kewangan 2020, KWIE telah diberikan pengecualian cukai ke atas semua pendapatan berkanun untuk tempoh dua (2) tahun mulai tahun taksiran 2020 hingga tahun taksiran 2021. Walau bagaimanapun, pendapatan-pendapatan lain yang diterima oleh KWIE adalah tertakluk kepada cukai pendapatan.

Sehubungan itu, pendapatan faedah KWIE yang merupakan pendapatan lain yang diterima KWIE adalah tertakluk kepada cukai oleh LHDNM.



## 18. (KURANGAN) / LEBIHAN KENDALIAN BERSIH SELEPAS CUKAI BAGI TAHUN KEWANGAN

	2020	2019
	RM	RM
(Kurangan)/Lebihan kendalian bersih selepas cukai	(569,574,560)	488,917,523
<b>JUMLAH</b>	<b>(569,574,560)</b>	<b>488,917,523</b>

Berikutan penularan wabak pandemik COVID-19 pada tahun 2020, Kerajaan telah mengumumkan pemberian diskaun bil elektrik kepada pengguna domestik dan bukan domestik di Semenanjung Malaysia. Memandangkan pemberian diskaun bil elektrik ini merupakan perbelanjaan luar jangka dan melibatkan sejumlah besar perbelanjaan yang melebihi pendapatan semasa KWIE, perbelanjaan ini sebahagiannya telah ditampung oleh dana terkumpul daripada tahun-tahun terdahulu.

## 19. PENDEDAHAN PIHAK BERKAITAN

Transaksi dengan kakitangan pengurusan penting merujuk kepada seseorang yang mempunyai kuasa dan tanggungjawab dalam merancang, mengarah dan mengawal aktiviti KWIE secara langsung atau tidak langsung. Transaksi yang berkaitan dengan kakitangan pengurusan penting dalam tahun kewangan semasa adalah seperti berikut:

	2020	2019
	RM	RM
Elaun Kehadiran Mesyuarat	13,000	12,500
<b>JUMLAH</b>	<b>13,000</b>	<b>12,500</b>

Sepanjang tahun 2020, Mesyuarat JKWIE telah bersidang sebanyak 5 kali bagi membincangkan dan memperakukan cadangan-cadangan yang berkaitan dengan pengurusan dana KWIE.

## 20. IMPLIKASI PANDEMIK COVID-19

Penularan wabak pandemik COVID-19 memberi kesan kepada KWIE dengan menggunakan lebihan dana tahun sebelumnya untuk menampung pemberian diskaun bil elektrik kepada pengguna.

Penerangan dibaca bersama **Nota 18**.





**Suruhanjaya Tenaga**  
**(Energy Commission)**

No. 12, Jalan Tun Hussein,  
Precinct 2, 62100 Putrajaya.

T : (603) 8870 8500 F : (603) 8888 8637

[www.st.gov.my](http://www.st.gov.my)